



# كلنتن چقنا وانیتا Kelantan *Cakna Wanita*

Dari Wanita Untuk Wanita



كلنتن سجهررا اونتوق اسلام

"Kelantan Sejahtera Untuk Islam"







# كلنتن چقنا وانيتا

## Kelantan

# Cakna Wanita

Dari Wanita Untuk Wanita



كلنتن سمجهتراء اونتوق اسلام

"Kelantan Sejahtera Untuk Islam"



## KELANTAN CAKNA WANITA

## *Dari Wanita, Untuk Wanita*

Cetakan Pertama: 2017

**ISBN: 978-983-2306-23-8**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

*Panel Penasihat Projek:* YB Hajah Mumtaz Md Nawi  
YB Hajah Wan Ubaidah Omar  
Hajah Zainiah Halim

<i>Koordinator Projek Penulisan</i>	
<i>dan Penulis:</i>	Nur Adyani Mohamed
	Bazilah Kamaruldin
	Tuan Azura Raja Ismail
	Norsham Shamsuddin
	Nik Nur Nabilah Nik Mahmood
	Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan
	Rabiatul Adawiah Yusof
	Norshakila Mohd Adnan
	Nabihah Basri
<i>Penyunting</i>	Dr Nurhafilah Musa
	Ustazah Asmak Husin
<i>Jurugambar</i>	Nik Saifulah Mat Daud
	Badura Bakri
<i>Konsep Reka Bentuk Kulit</i>	Farah Farhana Ab Malek

Diterbitkan oleh:

**Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**  
PT 109, Wisma Dr.Alias, Jalan Telipot  
15150 Kota Bharu  
Kelantan  
Tel: 09-747 6568/ 09-747 6569; Faks: 09-747 6510

# **KANDUNGAN**

<b>Perutusan Khas</b>	i
YAB Ustaz Dato Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan	
<b>Kata Alu-Aluan</b>	v
YB Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	ix
<b>PENGENALAN</b>	xii
<b>BAB 1 : DASAR WANITA KELANTAN</b>	1
<b>BAB 2 : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN</b>	7
<b>BAB 3 : PELAKSANAAN DASAR</b>	13
<b>BAB 4 : KEPIMPINAN WANITA</b>	23
<b>BAB 5 : KEROHANIAN DAN JATI DIRI</b>	47
<b>BAB 6 : SAMBUTAN DAN PENGIFTIRAFAN</b>	65
<b>BAB 7 : KEUSAHAWANAN DAN SOSIO EKONOMI</b>	87
<b>BAB 8 : KEBAJIKAN</b>	107
<b>BAB 9 : INFRASTRUKTUR</b>	121
<b>PENUTUP</b>	131
<b>GALERI FOTO</b>	136
<b>PAUTAN BERKAITAN</b>	156
<b>LAMPIRAN</b>	157





**PERUTUSAN KHAS  
YAB USTAZ DATO BENTARA KANAN  
MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً  
طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ**



Maksudnya : Sesiapa yang beramal soleh, baik lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. (*An-Nahl*, ayat 97).

Segala puji bagi Allah SWT yang merupakan pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan di bumi, selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta penyambung risalah suci ini. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas anugerah ra-

-hmat dan nikmat-Nya kepada kita semua sehingga dapat mencapai kejayaan dalam penerbitan buku ini. Tahniah diucapkan kepada Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) Negeri Kelantan yang menerbitkan Buku "Kelantan Cakna Wanita" ini. Penerbitan buku ini merupakan usaha untuk mendokumentasikan kecaknaan kerajaan negeri dalam memartabatkan kaum wanita sejak 27 tahun pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam.

Kerajaan sentiasa mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga wanita secara adil dan bersesuaian dengan batas-batas syara' dan agama dalam sektor ekonomi, politik dan sosio-budaya, serta memajukan sumber wanita dan potensi mereka dalam pelbagai bidang kehidupan menurut keperluan ummah, yang merupakan sebahagian daripada matlamat Islam.

Berpegang kepada cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dalam hal memulia, membangun dan memperkasakan wanita, maka kerajaan negeri berhasrat menterjemahkannya agar ia mampu dirasai oleh semua lapisan masyarakat selari dengan slogan "Membangun Bersama Islam". Dengan harapan agar buku ini dapat dihayati dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak dan dapat menjadi motivasi serta pembakar semangat kepada kaum wanita khususnya di Kelantan, untuk

mendepani massa. Buku ini juga selayaknya menjadi contoh dalam sesbuah pentadbiran negeri dan juga negara dalam memartabatkan kaum wanita mengikut batas-batas syariat Islam.

Syabas dan tahniah dirakamkan kepada pihak Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) Negeri Kelantan dan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku ini. Mudah-mudahan usaha murni ini akan menjadi saham serta bekalan amal soleh di akhirat kelak.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”**

**“KEBERKATAN, KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN”**

Dengan hormatnya,



**USTAZ DATO' BENTARA KANAN DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB**

S.J.M.K., D.J.M.K., (KELANTAN)

Menteri Besar Negeri Kelantan





## KATA ALU-ALUAN

YB PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّدِيقِينَ وَالصَّدِيقَاتِ وَالصَّابِرِينَ  
وَالصَّابِرَاتِ وَالخَشِعِينَ وَالخَشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ  
وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّابِرِيْمِينَ وَالصَّابِرِيْمَاتِ وَالْمَحْفَظِينَ  
فُرُوجُهُمْ وَالْحَفِظَاتِ وَالذَّكَرِيْرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا  
وَالذَّكَرَاتِ أَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

٢٥

Maksudnya: Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim, laki-laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar,

*laki-laki dan perempuan yang khusyu', laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, laki-laki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar.* (Surah Al-Ahzab, ayat 35)

Alhamdulillahi rabbil alamin wassolatu ala rasulihil amin, dengan penuh rasa syukur kehadrat Allah SWT atas nikmat taufik dan izin-Nya, maka buku 'Kelantan Cakna Wanita' yang sarat dengan informasi ini telah dapat diterbitkan. Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan telah menjadikan kedudukan dan peranan wanita sebagai satu agenda pokok dalam program pembangunan sejak tahun 1990 sehingga sekarang, iaitu selama 27 tahun pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dengan Dasar Membangun Bersama Islam. Pihak kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai pembaharuan dan pendekatan bagi menjaga kepentingan wanita dan memartabatkan wanita Kelantan.

Peranan wanita sebagai ibu, pendidik dan penggerak masyarakat amat penting dalam membawa perubahan kepada pembangunan masyarakat dan tamadun sesebuah negara. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Ahzab ayat 35 yang dinyatakan tadi, wanita sebagai regu kepada kaum lelaki mencakupi seluruh aspek kehidupan samada ekonomi,

politik dan sosial, turut mendapat pengiktirafan dan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Wanita yang berilmu dan bijaksana mampu melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja sebagai isteri dan ibu dalam rumahtangga yang harmoni, malah mampu menyumbang kepada usaha-usaha untuk memenuhi tuntutan terhadap pembangunan material dan pembangunan insan.

Wanita Kelantan khususnya seringkali dikaitkan dengan wanita yang berdaya maju, berkepimpinan dan mampu berdikari. Peranan mereka semakin besar bermula daripada urusan rumahtangga sehingga kepada kepimpinan negara. Sumbangan aktif kaum wanita terhadap pembangunan negeri dan negara perlu disedari dan dihargai oleh masyarakat. Bertepatan dengan slogan ‘Kelantan Cakna Wanita’, kerajaan negeri telah menyediakan pelbagai inisiatif memajukan wanita Kelantan. Pelbagai program pembangunan diri dan kemahiran bagi wanita terus direncanakan dari semasa ke semasa.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pasukan kerja daripada Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan serta individu-individu yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek penerbitan buku ini. Mudah-mudahan penulisan dan penerbitan buku ini, dapat membuka minda semua untuk melihat perkemb-


-angan politik dan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dalam memartabatkan wanita melalui Dasar Membangun Bersama Islam yang telah dilaksanakan sejak 1990 hingga sekarang. Semoga ia dapat menjadi manfaat untuk semua dalam mengejar keredhaan Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”**

**“KELANTAN CAKNA WANITA”**

Dengan hormatnya,



**HAJAH MUMTAZ BINTI MD. NAWI**

Pengerusi

Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan  
Kerajaan Negeri Kelantan

## **SENARAI SINGKATAN**

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ALP	Ahli Lembaga Pengarah
AJWA	Alumni Jahitan wanita Kelantan
BOM	Bantuan Orang Miskin
DUN	Dewan Undangan Negeri
DWK	Dasar Wanita Kelantan
HSK	Hari Sayyidatina Khadijah
HUSM	Hospital Universiti Sains Malaysia
ILMUAN	Ikatan Ilmuwan Nasional
JAHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
KBW	Kuliah Bulanan Wanita
KCW	Kelantan Cakna Wanita
KFW	Kuliah Fiqh Wanita
KGT	Kelantan Gold Trade
MBI	Membangun Bersama Islam
MESRA	Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan
MGS	Membina Generasi Solat
MISK	Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan
MLVK	Piawaian Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam

MPW	Majlis Perundingan Wanita
MPWN	Majlis Perundingan Wanita Negeri
MTD	Majlis Tindakan Dun
NGO	Non Governmental Organization
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PKB	Perbadanan Kelantan Berhad
PKWK	Pusat Kemahiran Wanita Kelantan
PPAD	Penyelaras Pembangunan Armalah DUN
PPWK	Pusat Pembangunan Wanita Kelantan
PLWOA	Pusat Latihan Wanita, Orang Kurang Upaya, dan Armalah
PMBK	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
PPAD	Penyalaras Pembangunan Armalah DUN
PPT	Pentaulianan Pencapaian Terdahulu
PSNK	Pusat Sulaman Negeri Kelantan
PSSH	Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa
PTMW	Penghulu Tanpa Mukim Wanita
PTN	Pegawai Tadbir Negeri
PTU	Pegawai Tadbir Ugama
PUM	Persatuan Ulama' Malaysia
PURNAMA	Persatuan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat dan Isteri pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Kelantan
PUSPANITA	Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia

RKP	Rancangan Kecil Pembangunan
SKA	Skim Khairat Armalah
SKC	Skuad Kita Cakna
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPY	Skim Pendidikan Anak Yatim / Anak Armalah
UKW	Unit Kemahiran Wanita
UPW	Unit Pembangunan Wanita
UPWK	Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan
WANIS	Wanita Yayasan Islam Kelantan
YANAS	Yayasan Noor As Syakur

## PENGENALAN

Sejarah telah menyaksikan Negeri Kelantan yang ditadbir oleh PAS selama 27 tahun berpandukan Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) telah mengharungi pelbagai halangan dan tribulasi dalam meletakkan asas yang kukuh untuk membawa rakyat membangun mengikut acuan Islam. Asas yang unggul itu menjadi rujukan sebagai penerus kesinambungan pentadbiran negeri melangkah maju ke hadapan.

Sempena 27 tahun Kelantan ditadbir dengan Dasar Membangun Bersama Islam yang kini dimasyurkan dengan tema “Merakyatkan Membangun Bersama Islam”, kejayaan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ini telah dibukukan melalui 70 Siri Buku Kelantan di Hati yang diterbitkan oleh pelbagai agensi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan, termasuklah daripada Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK). UPWK telah menerbitkan 3 siri buku, iaitu buku Kelantan Cakna Wanita, Kelantan Cakna Keluarga dan Kelantan Cakna Kebajikan. Buku-buku ini perlu dibaca bersama untuk mengetahui dan memahami secara keseluruhan pelaksanaan Dasar MBI dalam aspek pembangunan wanita, pembangunan keluarga dan pembangunan kebajikan di negeri Kelantan selama 27 tahun pemerintahan.

Buku Kelantan Cakna Wanita ini akan menjelaskan tentang program-program bertemakan Kelantan Cakna Wanita yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan amnya dan program yang dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Wanita dan Unit Kemahiran Wanita di bawah UPWK khususnya.

Dasar Wanita Kelantan menjadi tunjang kepada kesemua program yang dilaksanakan di bawah Unit Pembangunan Wanita dan Unit Kemahiran Wanita. Dasar ini menjadi panduan utama untuk mengatur program dan aktiviti bagi mengangkat martabat kaum wanita dan memberikan penghormatan tertinggi selari dengan kelembutan dan keunikan fitrah mereka.

Buku ini mengandungi 10 bab yang menjelaskan Dasar Wanita Kelantan dan program-program yang dilaksanakan di bawah dasar tersebut. Buku ini turut memaparkan infrastruktur yang disediakan bagi menyokong pelaksanaan Dasar Wanita Kelantan serta kerjasama pintar dengan pelbagai agensi dalam agenda membangun dan memartabatkan kaum wanita di Negeri Cik Siti Wan Kembang ini.



# BAB I

## DASAR WANITA KELANTAN





## **1.1 Pendahuluan**

Pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan yang menjadikan Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sebagai dasar utama pentadbiran. Justeru, sebagai panduan dan rujukan bagi Kerajaan Negeri Kelantan dalam menentukan neraca, nilai, halatuju dan objektif strategik dalam hal ehwal menjaga kepentingan dan pembangunan wanita secara lebih terancang dan berkesan, maka sebuah dasar yang dikenali dengan nama Dasar Wanita Negeri Kelantan telah digubal pada tahun 2001.

Kewujudan Dasar Wanita yang khusus di negeri Kelantan di samping meraikan Dasar Wanita Negara yang sedia ada merupakan satu keistimewaan terutamanya dalam mengiktiraf, meninggikan martabat dan menjamin kebajikan wanita Kelantan. Sumbangan dan usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk memelihara kedudukan wanita adalah bertepatan dengan peranan siasah syar'iyyah.

## **1.2 PROSES PENGGUBALAN DASAR**

Pada tahun 2001, satu Jawatankuasa Induk Dasar Wanita Kelantan telah dibentuk oleh kerajaan negeri dan dipengerusikan oleh Dato' Haji Muhammad Daud Iraqi yang merupakan Exco Kerajaan Negeri Kelantan ketika itu. Matlamat utama Dasar Wanita Negeri Kelantan ialah; Membangun dan m-


-engembangkan kemuliaan dan potensi wanita untuk kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Kelantan dan ummah seluruhnya berdasarkan penghayatan cara hidup Islam serta cara hidup yang berdasarkan ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta nilai moral sejagat.

Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan berhasrat untuk mencapai enam objektif strategik. Paling utama ialah untuk mengukuhkan akhlak dan moral wanita dalam skala yang besar supaya wanita Kelantan dikenali oleh masyarakat luar sebagai wanita yang berakhlik mulia. Seiringan dengan itu, dasar ini juga bertujuan untuk membangunkan wanita sebagai potensi sumber manusia yang terpenting, menggalakkan wanita melibatkan diri dalam proses pembangunan, memastikan perkongsian adil terhadap manfaat pembangunan dan memastikan wanita mendapat peluang yang adil untuk memajukan kerjaya masing-masing.

Dasar Wanita Negeri Kelantan juga meletakkan pengukuhan keluarga sebagai salah satu daripada objektif strategiknya kerana peranan wanita adalah amat sinonim dengan institusi kekeluargaan. Namun pada tahun 2009, kerajaan negeri Kelantan telah menggubal satu dasar yang khusus bertujuan untuk mengukuhkan institusi keluarga yang dinamakan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan. Sehubungan itu, objektif tersebut hanya dinilai secara umum da-

-lam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan pasca penggubalan dasar keluarga tersebut.

Melalui beberapa mesyuarat dan seminar, matlamat utama Dasar Wanita Negeri Kelantan untuk membangun dan mengembangkan kemuliaan serta potensi wanita seiring dengan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat di Kelantan berpandukan cara hidup Islam serta nilai moral sejahtera telah dapat dicapai. Pada tahun 2005, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah dibukukan bersama dengan dasar-dasar kerajaan yang lain sebagai salah satu dokumen rasmi Kerajaan Negeri Kelantan.



Teks **Dasar Wanita Kelantan** dilampirkan di bahagian akhir buku ini.

Ia juga boleh dimuat turun menerusi pautan

<http://www.kelantan.gov.my/index.php/ms/polisi-kerajaan>

### **1.3 Kesimpulan**

Dasar Wanita Kelantan menjadi teras kepada semua program yang dilaksanakan di bawah Unit Pembangunan Wanita dan Unit Kemahiran Wanita UPWK. Program-program yang dirancang meliputi pelbagai aspek kehidupan dan dilaksanakan di peringkat negeri dan semua jajahan di negeri Kelantan.

# BAB 2

## PENGURUSAN & PENTADBIRAN





## **2.1 Pendahuluan**

Unit Pembangunan Wanita (UPW) merupakan pelaksana utama yang telah dibentuk untuk menjalankan tugas sebagai sebuah unit penyelaras bagi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

## **2.2 Pembentukan Unit Pembangunan Wanita (UPW)**

UPW pada tahun 1990-an merupakan sebuah unit kecil yang bergerak di bawah Urus Setia Penerangan Negeri Kelantan yang diuruskan oleh 2 orang kakitangan sahaja. Seterusnya, pegawai unit tersebut berkembang kepada 4 orang kakitangan yang dilantik di bawah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan. Pada tahun 2005, fungsi UPW telah dinaik taraf daripada sebuah unit kepada sebuah urusetia secara rasmi dengan nama Urus Setia Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan (UPWBS) yang dipengerusikan di peringkat Exco oleh YB Dato' Abdul Fattah Mahmood, manakala En. Abdul Aziz Yunus telah dilantik sebagai pengarah yang pertama. Dengan terbentuknya sebuah urusetia, agenda pemerkasaan wanita di negeri Kelantan dipantau secara langsung oleh YAB Menteri Besar.

Seterusnya pada tahun 2008, portfolio pembangunan wanita diletakkan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wan-

ta, Keluarga dan Kesihatan telah dipengerusikan oleh YB Hajah Wan Ubaidah Omar, Exco wanita yang pertama dilantik di bawah Dasar Membangun Bersama Islam. Pentadbiran Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) ketika itu mula ditadbir oleh pengarah wanita yang pertama iaitu Puan Zainiah binti Halim.

Pada tahun 2013, Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat telah dipengerusikan pula oleh YB Hajah. Mumtaz Md Nawi. Setahun kemudian portfolio tersebut disusun semula menjadi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan. UPWK juga telah menyusun semula unit-unit utama di bawah urusetia iaitu Unit Pembangunan Wanita, Unit Kemahiran Wanita, Unit Pembangunan Keluarga dan Unit Pembangunan Kebajikan dengan fungsi-fungsi yang telah dikemaskini, berbeza daripada fungsi UPW yang terkandung di dalam kertas dasar yang asal. Antaranya ialah merangka pelan tindakan untuk pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

## **2.3 Dalil Dan Slogan**

### **2.3.1 Dalil**

Berteraskan kepada Dasar Membangun Bersama Islam sebagai tunjang utama pentadbiran, maka ia membuktikan bahawa satu komitmen yang serius daripada pihak Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan siasah syar'iyyah dalam pentadbirannya. Islam sentiasa meraikan dan memuliakan kaum wanita berdasarkan beberapa dalil dalam Al Quran dan Al-Hadith. Dalil berikut telah dipilih sebagai dalil bagi Unit Pembangunan Wanita dan Unit Kemahiran Wanita:

وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

**berwasiatlah tentang wanita secara baik**

(Hr. Turmudzi (209-275H), Al-Nasa`iy (215-303), Al-Bayhaqi (384-458H)

### **2.3.2 Slogan**

Slogan bagi Unit Pembangunan Wanita ialah “Dari Wanita Untuk Wanita” manakala slogan bagi Unit Kemahiran Wanita ialah “Wanita Berdikari Masyarakat Bestari”.

## 2.4 Peranan Unit Pembangunan Wanita (UPW) Dan Unit Kemahiran Wanita (UKW)

UNIT PEMBANGUNAN WANITA	UNIT KEMAHIRAN WANITA
Merangka Pelan Bertindak Dasar Wanita Kelantan.	Merangka Pelan Bertindak Dasar Wanita Kelantan;
Merancang aktiviti pembangunan wanita di seluruh negeri Kelantan.	Merancang program & aktiviti kemahiran wanita di negeri Kelantan ;
Meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti kerohanian dan keilmuan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan.	Meningkatkan penglibatan dan peranan wanita dalam kemahiran, keusahawan dan pembangunan ekonomi negeri ;
Merancang dan memantau pelaksanaan dasar dan program serta memperluaskan akses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada wanita.	Merancang dan memantau pelaksanaan dasar dan program bagi memberi pengiktirafan kepada sumbangan besar wanita secara langsung & tidak langsung;
Menyediakan infra yang berkualiti dan menyebarkan maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di pelbagai agensi serta membantu wanita mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan.	Membantu dalam penyediaan bajet tahunan kemahiran wanita agar menepati dasar mesra gender dan selaras dengan dasar-dasar kerajaan negeri.
Memberi penerangan tentang hak dan tanggungjawab wanita selaras dengan dasar-dasar kerajaan negeri, undang-undang dan syariat.	
Membantu dalam penyediaan bajet tahunan pembangunan wanita.	

# BAB 3

## PELAKSANAAN DASAR






### **3.1 Pendahuluan**

Pada tahun 1993, hasil daripada resolusi Seminar Memahami Dasar Membangun Bersama Islam, semua Ahli MMK telah memulakan usaha untuk membina dasar-dasar khusus bagi setiap portfolio masing-masing. Sejak daripada itu, usaha penggubalan dasar-dasar yang menyokong pelaksanaan dasar utama Membangun Bersama Islam telah bermula dan diperlengkapkan dengan pindaan beberapa enakmen. Sementara itu, pihak Setiausaha Kerajaan Negeri juga turut mengeluarkan beberapa pekeliling pentadbiran untuk dipatuhi oleh para pegawai dan kakitangan awam negeri. Berikut adalah antara dasar dan pekeliling berkaitan, yang digubal bagi menjaga maslahat atau kepentingan wanita di Kelantan, dan juga usaha-usaha yang dilaksanakan bagi menjayakan dasar-dasar berkaitan:

### **3.2 Menggubal Dasar Belia Negeri yang Turut Melibatkan Para Beliawanis**

Penggubalan dasar ini sebagai garis panduan kepada kerajaan negeri melaksanakan program bagi membina dan membentuk jati diri generasi belia dan beliawanis yang perkasa berteraskan ilmu, akhlak dan keterampilan yang berpaksikan Islam.



### **3.3 Meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998 yang Mengutamakan Nilai-Nilai Keislaman**

Kerajaan Kelantan telah meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998 yang mewujudkan pemantauan yang berkesan untuk mengelak berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dengan wanita dan melarang wanita terlibat dalam persembahan hiburan secara terbuka. Persembahan hiburan oleh wanita hanya untuk wanita sahaja dan di tempat yang tertutup.

### **3.4 Mewartakan Dasar Pencegahan Gejala Sosial Negeri dan Dasar Kebudayaan dan Kesenian Kelantan Berteraskan Prinsip Islam**

Dasar ini mempunyai kaitan secara langsung untuk menjaga kesejahteraan wanita dan keluarga. Ia bertujuan melahirkan insan bertaqwah melalui kebudayaan dan kesenian sebagai wadah perantaraan. Untuk merealisasikannya, hanya budaya yang tidak bercanggah dengan Islam sahaja dibenarkan. Persembahan wayang kulit melibatkan ritual yang bercanggah

dengan hukum Islam dan menyebarkan tasyul, khurafat tidak dibenarkan. Begitu juga dengan Mak Yong, Menora, dan Dikir Barat yang melibatkan wanita atau senikata lucu juga tidak dibenarkan.

### **3.5 Menghapuskan Kegiatan Pelacuran dan Pusat-pusat Hiburan Sejak Tahun 1991**

Kerajaan Kelantan telah menghapuskan dan tidak membenarkan sebarang kegiatan pelacuran serta menutup pusat-pusat hiburan yang melibatkan wanita, termasuklah pusat karaoke.

### **3.6 Mengasingkan Kaunter Bayaran antara Lelaki dan Wanita di Pusat-pusat Membeli Belah dan Pemisahan Tempat Duduk Lelaki dan Wanita dalam Majlis-majlis Rasmi**

Pasaraya diwajibkan menyedia kaunter yang berasingan untuk pelanggan lelaki dan wanita semasa membuat pembayaran bertujuan mengelakkan daripada pelakuan tidak senonoh dan tidak bermoral, juga sebagai menepati tuntutan hukum Islam mengenai batas-batas tertentu antara lelaki dan wanita. Selain daripada menepati kehendak hukum Islam, ia dapat melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan berakhlik.

### **3.7 Mengeluarkan Pekeliling Pemakaian Menutup Aurat kepada Kakitangan Awam**

Kerajaan negeri juga telah mengeluarkan arahan terhadap kakitangan awam wanita supaya menutup aurat semasa waktu pejabat (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993), tidak bersolek dan bergincu semasa di pejabat. Ini adalah bertujuan untuk mengangkat maruah wanita, menghormati dan menghindarkan wanita daripada dieksplotasi oleh mana-mana pihak. Malah pada tahun pertama menjadi Menteri Besar, Almarhum Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat telah memberikan saranan tidak membenarkan wanita bekerja malam bagi menjaga keselamatan mereka

### **3.8 Menetapkan Penguatkuasaan Pemakaian Menutup Aurat**

Kerajaan negeri juga telah menetapkan penguatkuasaan pakaian menutup aurat kepada pekerja-pekerja di premis perniagaan bermula pada 1 Januari 1992. Untuk itu, tindakan tegas diambil kepada mana-mana premis termasuk menarik balik lesen-lesen premis perniagaan sekiranya didapati pekerja-pekerja tidak mematuhi peraturan menutup aurat.

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1/1993

PERATURAN BERPAKAIAN MASA BERTUGAS BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

Pegawai Pengurusan Tertinggi, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pegawai Kumpulan Sokongan, serta Semua Anggota.

#### Anggota Lelaki:

- i) "Loung Suit" atau "bus-h jacket" dengan bahan kain yang sesuai; atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher; dan jika baju tersebut berlengan panjang, tanpa baju hendaklah jangan dilipat.
- ii) Pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping, atau pakaian baju yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.
- iii) Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengan sahaja. Seliar, kasut getah, dan kasut sukan tidak boleh dipakai.

#### Anggota Perempuan:

- i) Pakaian yang dipakai hendaklah jenis yang longgar serta menutup aurat, iaitu seluruh tubuh badan dilindungi oleh pakaian kecuali bahagian muka dan dua tukap tangan hingga ke pergelangan tangan. Pakaian ini juga hendaklah-
  - a) Tidak merupakan bentuk perhiasan kecantikan.
  - b) Tidak jarang kainnya.
  - c) Lebar dan tidak sempit sehingga memampakkan bentuk badan.
  - d) Tidak berbau wangi-wangian.
  - e) Tidak menyerupai pakaian lelaki.
  - f) Tidak merupakan pakaian menjolok mata.
  - g) Tidak merupakan pakaian yang aneh yang boleh menarik perhatian orang ramai serta bukan untuk bermegah-megah.
- ii) Bagi anggota yang tidak beragama Islam, pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sopan dan sesuai dipakai untuk bekerja. Pakaian jenis skirt hendaklah labuh melindungi lutut.

# PEKELILING

**Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1/1993 (Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan) :**

**" Menggariskan anggota perkhidmatan awam Negeri Kelantan perlu berpakaian yang menutup aurat dan kemas semasa bertugas"**

6 Sinar Harian • Selasa 28 Oktober 2014

## NASIONAL

# Operasi Gempur Aurat di Kota Bharu

SAPINAH AB GHANI

KOTA BHARU - Operasi Gempur Aurat yang dilancarkan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) membuktikan kerisian MPKB-BRI menangani isu aurat, khususnya melibatkan peniaga di Kelantan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Belia dan Wanita MPKB-BRI, Nor Azaria Mohd Alwi berkata, operasi bermuat September sehingga Disember 2014, diadakan berikutkan rumai di kesan mula leka dengan peraturan dikeluarkan sebelum ini.

"Ia bukan perkara baharu, malah pekeliling di bawah Arahan Mematuhi Etika Berpakaian sudah dikeluarkan sebelum ini, namun bila kita lihat ada peniaga yang bagaimana leka dan mula mengabaikan peraturan tersebut, penguatkuasaan semula perlu dilakukan."

"Operasi Gempur Aurat dan kompaun maksimum RM500 yang dikenakan kepada peniaga yang melanggar arahan ini, diharap akan

### INFO

Peraturan yang ditetapkan untuk peniaga wanita di Kelantan:

- Peniaga bersama pekerja perlu memakai tudung menutup dada
- Memakai baju lengan panjang
- Memakai seluar atau skirt labuh yang longgar
- Memakai pakaian yang tidak menampakkan bentuk badan
- Bagi bukan Islam, harus berpakaian sopan

menjadi pengajaran, sekali gus mengingatkan mereka kewajipan menutup aurat," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini.

Menurutnya, sehingga kini operasi berkenaan sudah diadakan secara menyeluruh di lokasi tumpuan orang ramai seperti pasar raya dan pasar malam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pembangunan Islam' MPKB-BRI,



Jurujual wanita yang berpakaian ketat boleh dikenakan kompaun kerana tidak mematuhi peraturan ditetapkan.

Ropein Hassan berkata, sejak operasi tersebut dilancarkan, sebanyak 34 kompaun dikeluarkan MPKB-BRI terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan.

Menurutnya, tidak timbul isu tidak adil kerana segala peraturan dan

syarat sudah dijelaskan sebelum peniaga mendapatkan lesen permajikan daripada MPKB-BRI.

"Penghujung 2013, semua peniaga diwajibkan menghadiri kursus perliaungan mengikut perspektif Islam yang diadakan secara berperingkat-

bagi memaklumkan kepada mereka mengenai Undang-Undang Kecil MPKB," katanya.

Sehingga kini lebih 3,000 peniaga telah mengikuti kursus berkenaan dan kira-kira 10,000 dalam proses serta sedang menunggu giliran.

**Keratan akhbar Sinar Harian, Selasa, 28 Oktober 2014.**

### **3.9 Garis Panduan Papan Iklan Selaras dengan Dasar Membangun Bersama Islam**

Kerajaan negeri tidak membenarkan papan iklan yang memperagakan wanita yang mendedahkan aurat atau mana-mana yang bercanggah dengan Islam.

### **3.10 Melancarkan Zon Menjaga Aurat dalam Kompleks Kota Darulnaim dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri**

Bagi melengkapkan lagi pelaksanaan dan pengawasan kepada peraturan berpakaian semasa bertugas bagi anggota perkhidmatan awam negeri Kelantan, maka Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan Zon Menjaga Aurat dalam kawasan Kompleks Kota Darulnaim dan jabatan-jabatan kerajaan negeri.

### **3.11 Menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan dan Pematuhan Aurat Negeri Kelantan**

Kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan dan Pematuhan Aurat Negeri Kelantan bagi menyediakan satu garis panduan terperinci berkenaan pematuhan penjagaan aurat yang ingin dikuatkuasakan seperti batas-batas aurat, jenis pemakaian yang disyariatkan dan juga batasan dalam berhias.



*Antara wajah papan iklan di Kelantan.*



*YB Hajah Mumtaz binti Md Nawi dan YB Dato' Dr. Zainuddin bin Ibrahim menyempurnakan gimik pelancaran Zon Menjaga Aurat dalam Kawasan Kompleks Kota Darulnaim di Dewan Bunga Teratai, 29 September 2013.*

### **3.12 Melaksanakan Dasar Mesra Keluarga dalam Pertukaran dan Penempatan Kakitangan**

Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang berlangsung pada 22 Ramadan 1434H bersamaan 31 Julai 2013 telah membuat keputusan untuk melaksanakan Dasar Mesra Keluarga dalam menempatkan kakitangan dan pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim. Dasar ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kakitangan untuk berkhidmat di lokasi yang berhampiran dengan pasangan mahupun tempat tinggal keluarga masing-masing. Ia bagi memberikan kemudahan untuk kakitangan berinteraksi dan berurusan dengan keluarga masing-masing dengan ruang yang selesa tanpa diganggu oleh hambatan tugas di lokasi yang berjauhan.

### **3.13 Kesimpulan**

Dengan terlaksananya dasar ini, maka terbuktilah bahawa Kerajaan Negeri Kelantan amat serius dalam menjadikan agama sebagai prioriti yang paling utama dalam menjaga martabat kaum wanita di negeri ini termasuklah wanita bukan Islam. Dengan pelaksanaan dasar ini juga telah memberi ruang kepada kaum wanita islam untuk mengamal Islam dengan lebih luas dan sekali gus menjadikan Negeri Kelantan aman, makmur serta barakah.

# BAB 4

## KEPIMPINAN WANITA





#### **4.1 Pendahuluan**

Kepimpinan wanita merupakan sesuatu yang tidak asing bagi masyarakat Kelantan. Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong merupakan antara pemerintah wanita yang tersohor dalam sejarah Kelantan. Mengambil kira panduan syariat terhadap kedudukan wanita sebagai pemimpin, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menggariskan strategi lanjutan untuk persediaan kepimpinan wanita mithali. Kepimpinan wanita di sini mencakupi kepimpinan dari sudut politik, pentadbiran dan kepimpinan masyarakat.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Kelantan juga sentiasa merancang dan menyiapkan pemimpin wanita yang akan memimpin dengan memiliki ciri-ciri pemimpin yang mencapai keseimbangan antara kepentingan individu dan ummah. Justeru bab ini akan menceritakan mengenai keterlibatan wanita-wanita Kelantan dalam bidang kepimpinan dari pelbagai sudut.

## **4.2 Melantik Wanita Memegang Pos Utama di Peringkat Eksekutif dan Legislatif**

Kerajaan Kelantan telah melantik wanita untuk memegang beberapa posisi utama di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Parlimen. Berikut adalah senarai wanita yang telah dilantik beserta posisi dan tempoh lantikan mengikut tarikh:

*Jadual 1 : Senarai nama wanita yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk memegang posisi utama di peringkat eksekutif dan legislatif*

Bil	Nama	Jawatan	Tempoh
1.	Allahyarhamah Hajah Kalthom Othman	Senator	1991 - 1997
		Ahli Parlimen Pasir Puteh	Mac-Jun 2004
2.	Ustazah Hunaizah Mohd Nor	Senator	1997-2000
3.	Ustazah Jamilah Ibrahim	Senator	1997 - 2000
4.	Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff	Senator	2000 - 2006
		Ahli Parlimen Rantau Panjang	2008 - sekarang

Bil.	Nama	Jawatan	Tempoh
5.	Hajah Wan Ubaidah Omar	Senator	2003 - 2008
		ADUN Kijang	2008 - sekarang
		Ahli MMK @ Exco	2008 - 2013
		Timbalan Exco	2013 - sekarang
6.	Puan Rohani Ibrahim	ADUN Tanjong Mas	2004 - sekarang
		Timbalan Exco	2010 - 2013
7.	Hajah Mumtaz Md Nawi	Senator	2006 - 2012
		ADUN Demit	2013 - sekarang
		Ahli MMK @ Exco	2013 - sekarang
8.	Hajah Khairiah Mohamed	Senator	2012 - sekarang



Hajah Mumtaz Md Nawi



Hajah Wan Ubaidah Omar



Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff



Puan Rohani Ibrahim



Hajah Khairiah Mohamed



Ustazah Jamilah Ibrahim



Ustazah Hunaizah Mohd Nor



Allahyarhamah Hajah Kalthom Othman



*YB Hajah Mumtaz Md Nawi turut serta dalam persidangan di Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai Exco Wanita.*



Unit Komunikasi Menteri Besar Kelan

*Sesi Perbentangan oleh YB Hajah Wan Ubaidah Omar dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan.*



Sultan Kelantan Sultan Muhammad V berkenan bergambar kenangan bersama saf kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan yang baru selepas istiadat mengangkat sumpah, pada 7 Mei 2013.



Yang Maha Mulia Dr. Tengku Muhammad Faiz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Pemangku Raja Kelantan, berkenan bergambar kenangan bersama saf kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan selepas Istiadat Pembukaan Sidang DUN Penggal Ke- 5 Dewan Negeri Kelantan Tahun 2017 pada 20 Mac 2017.

#### **4.3 Melantik Pegawai Tadbir Negeri (PTN) Wanita**

Pegawai Tadbir Negeri (PTN) wanita mula dilantik dalam perkhidmatan negeri Kelantan pada tahun 2007. Sehingga kini seramai 23 orang PTN wanita yang telah dilantik.

#### **4.4 Melantik Pegawai Tadbir Ugama (PTU) Wanita**

Wanita juga dilantik sebagai Pegawai Tadbir Ugama (PTU) di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK). Sehingga kini seramai 11 orang PTU wanita yang telah dilantik.

#### **4.5 Ahli Majlis Daerah Wanita**

Kerajaan negeri juga membuka ruang kepada wanita untuk dilantik sebagai ahli majlis bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membuat dasar, merancang dan mengawasi pelaksanaan program pembangunan di peringkat PBT.



Antara Pegawai Tadbir Ugama (PTU) wanita.



Ahli Majlis Daerah Wanita bergambar bersama YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan selepas Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan kepada Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

#### **4.6 Melantik Pegawai Khas Wanita**

Apabila Kerajaan Negeri melantik Exco wanita pertama pada tahun 2008, pegawai khas kepada Exco wanita juga turut dilantik pada tahun yang sama, iaitu Puan Nurhasidah Ismail (2008 - sekarang).

#### **4.7 Melantik Ketua Jabatan Wanita**


Puan Zainiah Halim dan Puan Fadhilat Ismail merupakan antara Ketua Jabatan di kalangan wanita yang dilantik. Puan Zainiah telah dilantik sebagai Pengarah Urus Setia Pembangunan Wanita sejak tahun 2008 hingga sekarang. Manakala Puan Fadhilat pernah dilantik sebagai Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

#### **4.8 Melantik Pemandu Wanita Khas untuk Exco Wanita Kerajaan Negeri**

Cik Wan Siti Nur Nazihah Wan Yusoff merupakan pemandu rasmi kerajaan yang pertama dari kalangan wanita untuk Exco wanita Kerajaan Negeri Kelantan.



*Puan Zainiah Halim, Pengarah Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan.*



*Puan Norhasidah Ismail, Pegawai Khas Wanita.*



*Cik Wan Siti Nur Nazihah Wan Yusoff, pemandu khas YB Hajah Mumtaz Md Nawi.*

#### **4.9 Melantik Penghulu Tanpa Mukim Wanita (PTMW) DUN**

Pada tahun 2004 Kerajaan Negeri telah melantik Penghulu Tanpa Mukim Wanita (PTMW) DUN seramai 45 orang iaitu untuk 45 DUN seluruh negeri bertujuan memudahkan penyaluran maklumat dan urusan di antara sesama wanita. Di samping itu, mereka juga berperanan dan tanggungjawab secara menyeluruh kepada kaum wanita berhubung dengan kepentingan masyarakat.

#### **4.10 Melantik Penghulu Parlimen Wanita**

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah melantik Penghulu Tanpa Mukim Wanita (PTMW) Parlimen seramai 14 orang bagi mewakili 14 parlimen seluruh negeri Kelantan.

#### **4.11 Melantik Penghulu Wakil Kaum dalam kalangan Wanita**

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah melakar setapak lagi pembaharuan dengan melantik Penghulu Tanpa Mukim Wanita Wakil Kaum bertujuan meningkatkan kerjasama, perpaduan di antara kaum di negeri ini melalui penghulu masing-masing serta menjadi pemudah cara bagi penyaluran maklumat dan urusan di antara mereka dengan kerajaan negeri.

#### **4.12 Melantik Penghulu Mukim Wanita**

Wanita juga diberi kepercayaan untuk memegang jawatan Penghulu Mukim.



Sebahagian Penghulu Wanita Kelantan, bergambar selepas Majlis Perlantikan Penghulu Kelantan 2017 di Hotel Perdana.



Sebahagian Penghulu Wanita Kelantan, bergambar bersama YB Hajah Mumtaz Md Nawi.

#### **4.13 Melibatkan Wanita dalam Pengkajian dan Semakan Enakmen Syariah Negeri Kelantan**

Kerajaan Negeri Kelantan telah melantik wakil wanita dalam Jawatankuasa Semakan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Kelantan.

#### **4.14 Menubuhkan Urus Setia Khusus untuk Pembangunan Wanita Kelantan (UPWBS / UPWKK / UPWK)**

Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan telah ditubuhkan untuk merancang, menyusun dan mengawal selia program pembangunan wanita di Kelantan melalui usaha yang distrukturkan di bawah Kerajaan Negeri, bermula dengan seorang pegawai wanita, diikuti Unit Pembangunan Wanita dan seterusnya urusetia khusus untuk portfolio wanita yang dipengerusikan oleh Exco wanita dan ditadbir oleh pengarah wanita.

#### **4.15 Melantik 45 Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD)**

Bermula pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah melantik 45 orang PPAD di seluruh negeri Kelantan bagi menguruskan program pembangunan insan dan juga hal ehwal armalah/ ibu tunggal termasuklah anak yatim/ anak armalah.



*Kakitangan UPWK bergambar bersama  
YAB Ustaz Dato Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan  
serta isteri, Datin Bentara Kanan Hajah Siti Zabidah Ab Hamid.*



*PPAD bergambar bersama YB Hajah Mumtaz Md Nawi  
di Pusat Latihan OKU, Wanita dan Armalah, 22 Ogos 2017.*

#### **4.16 Menubuhkan Majlis Perundingan Wanita Negeri dan Parlimen**

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Perundingan Wanita (MPW) yang terdiri daripada Majlis Perundingan Wanita Negeri (MPWN) di peringkat negeri dan 14 Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) di peringkat parlimen. Tujuan penubuhan 14 MPWP ini ialah bagi mewujudkan forum untuk menyuarakan dan mengenalpasti masalah, isu dan keperluan wanita dalam menjaga kepentingan dan kemaslahatan wanita di peringkat parlimen masing-masing.

#### **4.17 Melantik 45 Guru Jahitan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan**

Bermula pada tahun 2005, Kerajaan Negeri Kelantan telah melantik 45 orang Guru Jahitan di seluruh negeri Kelantan bagi membantu memberikan kemahiran jahitan selaras dengan piawaian Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) supaya pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan berkesan. Kerajaan Negeri juga telah menaja guru-guru yang belum memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk mendapatkan Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT) SKM Tahap I supaya mendapat sijil profesional yang diiktiraf.



MPWP Pengkalan Chepa membuat kunjungan ke Klinik Kesihatan sekitar Parlimen Pengakalan Chepa sempena Sambutan Hari Jururawat Sedunia.



Guru PPWK bergambar bersama YB Hajah Mumtaz Md Nawi selepas Kursus Pemantapan Pengajar PPWK 2017 di Perdana Resort, PCB, 20 Januari 2017.

#### **4.18 Melantik Pegawai Halaqat Wanita**

Seramai 180 orang pegawai dan pembantu pegawai Unit Dakwah Halaqat Negeri Kelantan dilantik dari kalangan wanita. Kelas halaqat ini menekankan pengajian fardu ain di samping turut mengadakan kursus-kursus seperti Kursus Solat Wanita di surau-surau dan masjid seluruh negeri Kelantan.

#### **4.19 Melantik Guru al-Quran Wanita khusus di setiap DUN**

Seramai 2,583 orang telah dilantik menjadi Guru al-Quran di negeri Kelantan, dan 2,070 orang daripada mereka adalah wanita.

#### **4.20 Melantik Penguatkuasa Wanita**

Melantik wakil wanita sebagai penguatkuasa bagi Majlis Daerah seluruh negeri Kelantan termasuk Majlis Perbandaran Kota Bharu, Banda Raya Islam (MPKB-BRI).

#### **4.21 Melantik Ahli Lembaga Pengarah Wanita**

Melantik wakil wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bagi setiap anak syarikat Kerajaan Negeri Kelantan.



*Sebahagian Pegawai Halaqat Wanita dalam satu mesyuarat.*



*Antara aktiviti yang dianjurkan ketika kelas pengajian al-Quran di setiap DUN.*

## **4.22 Kumpulan Pengurusan Acara (*Event Management Team*) Wanita**

Kumpulan Pengurusan Acara di kalangan wanita ditubuhkan dan dilatih bagi memudahkan pengendalian majlis atau program tertutup untuk peserta wanita sahaja, seperti program hiburan wanita.

## **4.23 Kesimpulan**

Rumusannya, usaha-usaha sebegini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak menghadkan ruang dan peluang kepada wanita untuk sama-sama mengambil bahagian dan memberi sumbangan dalam aktiviti dan program pembangunan negeri secara bebas asalkan ianya tidak melanggar prinsip dan etika yang ditetapkan oleh syariat. Ianya telah terbukti wanita di Kelantan kini telah jauh terkehadapan dalam bidang kepimpinan dan boleh berdiri seiring dengan kaum lelaki dalam mentadbir urus negeri. Ianya hasil daripada acuan yang dibina oleh kerajaan dalam misi Membangun Bersama Islam.



*Antara petugas rakaman wanita.*



*Antara petugas bahagian teknikal sistem siar raya (PA System) wanita.*



# BAB 5

## KEROHANIAN & JATI DIRI





## **5.1 Pendahuluan**

Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menggariskan empat strategi persediaan lanjutan untuk wanita yang perlu dilaksanakan secara berterusan iaitu persediaan asas dari sudut iman, ilmu, akhlak dan jiwa, persediaan keluarga dan masyarakat, persediaan ilmu sains, teknologi dan kemahiran dan persediaan kepimpinan wanita mithali. Strategi tersebut perlu direalisasikan dengan penglibatan semua portfolio Kerajaan Negeri, NGO, institusi pendidikan, anggota masyarakat dan institusi keluarga. Berikut adalah antara usaha dan juga program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menjayakan strategi yang telah digariskan:

## **5.2 Kuliah Bulanan Wanita untuk Wanita Seluruh Negeri Kelantan**

Program Kuliah Bulanan Wanita boleh dianggap sebagai tanda aras bagi program persediaan asas untuk wanita, yang diadakan hampir setiap bulan khusus kepada wanita dari seluruh negeri Kelantan. Ia telah bermula sejak April 2010 dengan nama Kuliah Bulanan Kakitangan Wanita Negeri Kelantan. Sasaran peserta adalah dari agensi kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, syarikat-syarikat swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), guru dan kakitangan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan, sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi-institusi pengajian tinggi, Pusat

Pembangunan Wanita Kelantan, Pusat Pembangunan Armalah DUN, institusi-institusi perbankan dan NGO-NGO wanita. Program KBW ini merupakan program kerjasama pintar antara UPWK dengan Persatuan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat dan Isteri Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Kelantan (PURNAMA); dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Negeri Kelantan.

Kuliah Bulanan Wanita (KBW) menampilkan slot pengisian ilmu dan motivasi daripada penceramah-penceramah yang berkaliber, di samping menjadi saluran maklumat terkini daripada pihak kerajaan negeri. Pencapaian program ini juga dapat dinilai melalui jumlah kehadiran peserta yang konsisten. Bermula 2010 – 2013, KBW telah diadakan di Dewan Teratai Kompleks Kota Darulnaim dengan kehadiran peserta sekitar 400 - 600 orang. Memandangkan kehadiran peserta KBW sangat memberangsangkan, maka pada tahun 2014 sehingga sekarang program KBW diadakan di Dewan Besar Balai Islam, Lundang dengan kehadiran sekitar 800 - 1500 orang.

Selain itu, program KBW juga diperluaskan skop pesertanya dengan mengadakan kerjasama pintar dengan NGO-NGO, antaranya Kelantan Gold Trade (KGT), Hospital Universiti sains Malaysia (HUSM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Wanita Yayasan Islam Kelantan (WANIS), Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK), Pertubuhan Armalah Darulnaim dan banyak lagi.



*Ustazah Norhafizah Musa menyampaikan ceramah dalam program Kuliah Bulanan Wanita (KBW), 12 Mac 2013 bertempat di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim.*



*Antara peserta Kuliah Bulanan Wanita (KBW) yang hadir.*

### **5.3 Kuliah Fiqh Wanita di Setiap Parlimen**

Kuliah Fiqh Wanita (KFW) diadakan sebulan sekali di setiap parlimen dan diurus selia oleh Jawatankuasa Pelaksana yang dilantik dalam kalangan Ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP). KFW ini dianjurkan sebagai satu wadah kepada wanita untuk berinteraksi di samping bertukar pandangan dan berkongsi pendapat melalui majlis ilmu bagi memantapkan wanita dalam pelbagai disiplin ilmu supaya dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian serta dapat melahirkan lebih ramai penceramah dan pakar fiqh wanita di Kelantan. Majlis Pelancaran Kuliah Fiqh Wanita di setiap parlimen dilaksanakan melalui kerjasama pintar antara Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) dengan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dan Majlis Perundingan Wanita Parlimen.

### **5.4 Usrah dan Kursus Pemantapan Guru PPWK (Bengkel dan Tutorial Pengajar)**

Usrah dan Kursus Pemantapan bagi 45 orang guru jahitan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) diadakan secara berkala sebagai inisiatif pembangunan rohani dan pembangunan kemahiran buat mereka. Ini adalah inisiatif untuk membangunkan mereka supaya menjadi tenaga pengajar mahir bagi membimbing pelatih PPWK seluruh Kelantan.



*Ustaz Saibon Ismail ketika menyampaikan kuliah semasa Majlis Pelancaran Kuliah Fiqh Wanita Peringkat Jajahan Gua Musang, 27 Mei 2015.*



*Kursus Pemantapan Pengajar PPWK 2017  
di Perdana Resort, PCB, 20 Januari 2017.*

## **5.5 Usrah Berkala Kakitangan UPWK dan Usrah Muaddibah bagi Pengasuh Taska Keluarga Mawaddah**

Usrah secara berkala telah diadakan untuk semua kakitangan UPWK. Usrah diadakan untuk memantapkan lagi kefahaman kakitangan UPWK dalam melaksanakan Islam melalui agenda Membangun Bersama Islam. Selain itu, Usrah Muaddibah turut dilaksanakan bagi pengasuh-pengasuh yang berkhidmat di Taska Keluarga Mawaddah yang merupakan taska mesra keluarga yang dikelolakan oleh UPWK.

## **5.6 Kelas al-Quran oleh Guru al-Quran yang Dilantik Khas di Setiap DUN Seluruh Negeri Kelantan**

Kelas al-Quran ini digerakkan bagi memberi kemudahan kepada orang ramai belajar al-Quran dan fardhu ain untuk setiap peringkat usia, di samping merealisasikan matlamat kerajaan negeri melahirkan lebih ramai rakyat yang berpengetahuan agama serta mampu menguasai al-Quran dan hadis Nabi SAW.

## **5.7 Kuliah Mingguan Halaqat Wanita**

Kuliah Mingguan Halaqat Wanita diadakan di surau-surau dan masjid-masjid seluruh negeri Kelantan secara berkala di bawah kelolaan Unit Dakwah Halaqat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

## **5.8 Program Solat Hajat dan Tadarus Perdana Wanita Kelantan**

Program Solat Hajat dan Tadarus Perdana Wanita Kelantan merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Unit Dakwah Halaqat di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) yang diadakan pada bulan Ramadan setiap tahun.

## **5.9 Program Membina Generasi Solat (MGS)**

Program MGS ini adalah program pendidikan yang memberi fokus kepada ibadat solat dan pengajian al-Quran dalam kalangan generasi muda. Ia adalah program anjuran bersama Bahagian Dakwah JAHEAIK dengan kerjasama Unit Dakwah Halaqat sejak tahun 2007.

## **5.10 Kuliah Agama kepada Peniaga Wanita**

Di Masjid Baroah, Pasar Siti Khadijah telah diadakan ceramah agama selama satu jam setiap hari yang boleh didengar melangkaui pagar masjid sehingga ke setiap premis kedai dan gerai. Ia turut menggamtir para peniaga dan pengunjung bagi memahami cara hidup Islam atau Islam sebagai Ad-Din. Usaha


kerajaan melalui Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) ini dilihat memberi kesan positif dalam memberi ilmu kepada peniaga dan juga pengunjung di samping membeli dan berurus niaga. Apa yang penting golongan wanita yang merupakan majoriti peniaga di pasar mendapat hidangan ilmu yang bermanfaat. Hal tersebut adalah selari dengan kehendak syarak.

### **5.11 Menerbitkan Buku Teks Jahitan Khusus untuk Rujukan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan**

Buku Teks Jahitan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan terbitan UPWK telah dilancarkan pada tahun 2012 semasa Majlis Graduasi PPWK dan PSNK kali ke-7 bertempat di Dewan Besar Balai Islam, Kompleks Islam Darul Naim. Buku ini telah dicetak sebanyak 2,000 buah naskah dengan cetakan kali pertama pada tahun 2012 dan cetakan kedua pada tahun 2016. Buku ini juga telah mendapat kelulusan dan pengiktirafan dari Perpustakaan Negara.

### **5.12 Kempen Menjaga Aurat Terus Giat Dilaksanakan**

Kempen Menjaga Aurat telah bermula sejak tahun 1990 dengan pihak kerajaan negeri mengeluarkan Surat Pekeliling mengarahkan kakitangan berpakaian menutup aurat. Kempen ‘Aurat Dijaga, Maruah Terpelihara’ diteruskan dari semasa ke semasa, tidak hanya melibatkan kakitangan kerajaan negeri sah-



Buku Teks Jahitan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan terbitan UPWK



YABhg Datin Bentara Kanan Datin Hjh Siti Zabidah Abd Hamid menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan video pendek "Pakaianku, Pakaian Solatku", 27 Jun 2016.

-aja, bahkan kepada seluruh rakyat. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri antaranya edaran pamflet kempen, kempen melalui papan iklan (*billboard*), melalui sepanduk kempen yang digantung di semua 45 PPWK dan masjid-masjid utama di negeri Kelantan, melancarkan Zon Menjaga Aurat, dan yang terbaru, pada tahun 2016 kempen ini dipergiatkan melalui pengajuran Pertandingan Video Pendek ‘Pakaianku, Pakaian Solatku’ bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan kewajipan menjaga aurat.

### **5.13 Edaran Doa untuk Semua Peserta Program UPWK**

Mengedarkan doa dalam setiap program-program yang dianjurkan oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan. Objektif pengedaran doa ini adalah untuk memberi kefahaman dan panduan tentang amalan doa-doa harian untuk wanita, sekaligus untuk mendidik rasa pergantungan diri kepada yang Maha Berkuasa. Satu jawatankuasa khas bagi merangka silibus doa ini turut ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah UPWK.



*Antara papan iklan kempen menjaga aurat.*



*Antara koleksi doa yang diedarkan kepada peserta program anjuran UPWK.*

### **5.14 Kursus Halimatul Saadiah untuk Pengasuh Kanak-kanak**

Kursus Halimatul Saadiah disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada wanita yang mengusahakan perkhidmatan TASKA di rumah agar menekankan pendidikan amalan sunnah dalam pendidikan dan pembelajaran kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Antara pengisian ceramah Kursus Halimatul Saadiah adalah berkenaan asas kebersihan diri dan keluarga; asas nutrisi dan pemakanan seimbang; asas kerohanian dan asas keselamatan di rumah.

### **5.15 Program Pembangunan Armalah (Ibu Tunggal)**

Beberapa program dirangka dan dilaksanakan oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Kebajikan dengan kerjasama Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD) dan juga pihak Majlis Tindakan DUN (MTD) bagi memberi kemahiran kepada golongan armalah ke arah melahirkan armalah yang lebih berdikari. Kursus yang disediakan ini memberi peluang dan ruang kepada armalah untuk menjana pendapatan sendiri melalui kemahiran yang diajar. Antara program yang dianjurkan adalah Kembara Armalah, Konvensyen Armalah, Program Jati Diri Armalah dan banyak lagi.



Antara peserta Kursus Halimatul Saadiah Siri 2, 27-28 November 2015.



Antara peserta Kembara Armalah DUN Tanjong Mas.

## 5.16 Mewujudkan Laman Web *wanitakelantan.com*

Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mewujudkan satu laman web yang dibuat khusus untuk wanita Kelantan dan seluruh wanita di Malaysia secara amnya iaitu *wanitakelantan.com*. Ianya diharapkan bakal menjadi ‘lidah’, ‘mata’ dan ‘tangan’ kepada kerajaan Negeri untuk mengembangkan lagi usaha memartabatkan wanita Kelantan sehingga ke arena antarabangsa. Laman web ini mengandungi pelbagai informasi berkaitan wanita antaranya info tentang sejarah wanita Kelantan, ruangan Kediaman, ruangan Keluarga, ruangan Kesihatan, ruangan Kecantikan & Fesyen, ruangan Kerjaya, ruangan Agama & Petua.

The screenshot shows the homepage of the *wanitakelantan.com* website. At the top, there is a red header bar with the website's logo and navigation links for Utama, Artikel, Galeri, Interaktif, Direktori, Pautan, and a search icon. Below the header, the main content area has three sections: 'Baru' (New) on the left, a large central image of a woman in a white hijab, and 'Popular' articles on the right. The 'Baru' section displays two recent articles: one about a woman shopping at night and another about a newborn baby. The central image features a woman in a white hijab with a pink overlay containing the text 'Wanita & Agama'. The 'Popular' section lists five articles with their titles and small thumbnail images.

Popular Article Title	Thumbnail Image
5 Cara Membersihkan wajah dengan betul	
Seluar Khas Untuk Wanita Bersalin	
Khasiat Air Kelapa Muda	
Milkshake 'Blanket'	

## **5.17 Kesimpulan**

Kesimpulan, usaha-usaha ini menunjukkan bahawa kerajaan Negeri Kelantan sedar bahawa membekalkan rakyatnya terutama kaum wanita dengan pendidikan amat penting dalam pembentukan jati diri mereka. Tidak dinafikan juga bahawa usaha-usaha dalam kategori-kategori yang telah disebut sebelum ini turut menyumbang ke arah melahirkan wanita sebagai pemimpin yang berwibawa dan rakyat yang bertanggungjawab. Ianya turut memperlihatkan bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan begitu konsisten dan yakin untuk melaksanakan pelbagai perancangan dan usaha bagi menjayakan agenda islam terhadap wanita di dalam skop kuasa pentadbiran yang dimiliki pada saat banyak pihak yang masih prejudis terhadap kemampuan Islam secara praktikal untuk memberikan jaminan kesejahteraan kepada wanita yang berbilang kaum dan agama.



# BAB 6

## SAMBUTAN & PENGIFTIRAFAN





## **6.1 Pendahuluan**

Kaum wanita merupakan aset penting kepada pembangunan negeri dan mereka layak mendapat pengiktirafan. Justeru, dengan wujudnya Dasar wanita Negeri Kelantan ini ianya dapat memberi panduan dan hala tuju dalam segala usaha perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan negeri supaya kepentingan dan penyertaan wanita tidak terabai, baik sebagai sasaran mahupun sebagai agen-agen pembangunan masyarakat moden.

Di Negeri Kelantan, pelbagai sambutan yang dianjurkan melalui Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK) pada setiap tahun. Pelbagai program dirancang untuk memberikan kesedaran, pengiktirafan dan sokongan, terutama kepada wanita. Antara tujuannya adalah meningkatkan penyertaan dan peranan aktif kaum wanita sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negeri. Komitmen kerajaan Negeri Kelantan juga sentiasa berterusan bagi memastikan wanita bergerak seiring dengan pembangunan negeri dan setara dengan pencapaian wanita antarabangsa.

Justeru itu, bab ini akan membincangkan lebih terperinci tentang usaha-usaha kerajaan yang telah dilakukan dalam meraikan dan mengiktiraf kaum wanita di negeri Kelantan.

## **6.2 Menganjurkan Sambutan Hari Sayidatina Khadijah (Hari Wanita)**

Sambutan Hari Wanita merupakan acara tahunan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 2000 bagi menghargai sumbangaan dan peranan yang telah dimainkan oleh wanita. Sambutan Hari Wanita telah ditukar nama kepada Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) bermula pada tahun 2015. Pada tahun 2016, Program HSK telah melangkah ke gerbang antarabangsa dengan penglibatan peserta dari dalam dan luar negara melalui pelbagai acara yang telah disusun. Dengan bertemakan ‘Agar Dirimu Semulia Khadijah’ program tersebut diadakan bagi memperkenalkan identiti dan kejayaan wanita Kelantan ke persada dunia. Disamping itu, ia juga bertujuan menzhirikan kekuatan sistem sosial Islam yang sangat memuliakan maruah dan memartabatkan wanita.

## **6.3 Pengisytiharan Hari Suri Rumah Peringkat Negeri Kelantan**

Kerajaan Negeri Kelantan juga meletakkan kebajikan khususnya buat kaum wanita sebagai salah satu teras dalam pemerintahannya. Sebagai pengiktirafan kepada semua suri rumah tangga di negeri Kelantan, bermula pada tahun 2015, kerajaan negeri telah mengisytiharkan bahawa pada hari Sabtu terakhir bulan Ogos setiap tahun seluruh rakyat Kelantan akan menyambut Hari Suri Rumah atau kini dikenali dengan nama Hari Suri Mithali peringkat Negeri Kelantan.



*Upacara gimik perasmian Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2017 yang disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan di Hotel Perdana, 14 Ogos 2016.*



*YB Ust Haji Nik Abduh Nik Abdul Aziz menyampaikan anugerah Tokoh Suri Mithali ketika Majlis Sambutan Hari Suri Mithali peringkat Parlimen Pasir Mas, 23 Sept 2017.*

## **6.4 Menghasilkan logo Kelantan Cakna Wanita**

Kerajaan negeri Kelantan juga telah memasyhurkan slogan “Kelantan Cakna Wanita” pada tahun 2005 bagi membudayakan kecaknaan keluarga, masyarakat mahupun kerajaan negeri sendiri terhadap kebajikan dan kesejahteraan wanita melalui pelbagai program Menurut YB Dato’ Abdul Fattah Mahmood, penggunaan istilah “cakna” ini telah dicadangkan oleh Prof Emeritus Dr Nik Safiah Karim pada tahun 2005 yang pada ketika itu melihat bahawa perkataan cakna yang terdapat di dalam Kamus Dewan masih belum digunakan secara meluas. Slogan tersebut telah diisyiharkan oleh YAB Dato’ Menteri Besar Kelantan sendiri dengan satu logo khas dan telah berjaya memberi impak yang besar kepada wanita Kelantan dan rakyat Kelantan amnya.

## **6.5 Mengadakan Majlis Makan Malam Silaturahim**

Majlis Makan Malam Silaturahim bersama Yayasan Noor As Syakur (YANAS) di bawah naungan Yang Mulia Tunku Puan Sri Dato’ Hajah Noor Hayati Binti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Tengku Puan Temenggong Kelantan ini merupakan satu acara yang julung-julung kali diadakan sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah peringkat antarabangsa yang telah berlangsung pada 15 Ogos 2016. Majlis makan malam ini, merupakan program kerjasama pintar antara kerajaan negeri melalui UPWK bersama YANAS.



*Logo Kelantan Cakna Wanita*



*YM Tengku Puan Temenggong Kelantan bersalaman dengan peserta yang hadir ke Majlis Makan Malam Silaturahim sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah di Hotel Perdana, 15 Ogos 2016.*

## **6.6 Menganjurkan Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan (MISK) 2016**

Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan (MISK) 2016 telah dijalankan bersempena Hari Sayidatina Khadijah 2016 melalui kerjasama pintar antara UPWK, Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dan Ikatan Ilmuan Nasional (ILMUAN). Program ini berlangsung selama dua (2) hari di Hotel Perdana, Kota Bharu. Persidangan MISK 2016 ini telah menerima penyertaan dari sembilan (9) buah negara iaitu Jordan, Syria, Pakistan, Nigeria, Qatar, Indonesia, Iraq dan Thailand termasuk Malaysia. Sebanyak 41 kertas kerja telah dibentangkan berkaitan wanita yang melibatkan 36 orang pembentang dari Malaysia dan lima (5) orang pembentang dari luar negara. Melalui program ini juga sebuah buku bertajuk Wanita Islam Kontemporari: Cabaran Semasa dan Amalan Terbaik yang menghimpunkan kertas kerja persidangan tersebut, telah berjaya diterbitkan.



*Pelancaran Buku Wanita Islam Kontemporari: Cabaran Semasa dan Amalan Terbaik yang menghimpunkan kertas kerja persidangan MISK 2016.*



*Antara peserta luar negara yang menyertai persidangan MISK 2016.*

## **6.7 Penganjuran Sukan Wanita Patuh Syariah**

Aktiviti sukan khusus untuk wanita yang menitik beratkan syariat Islam juga turut dianjurkan dengan kerjasama kerajaan negeri, antaranya *Nisa' Games* iaitu program bertaraf nasional yang pernah dianjurkan. Seramai 1,215 orang atlet wanita daripada seluruh Malaysia telah menyertainya. Kejayaan penganjuran ini juga lantaran sokongan yang padu daripada Kerajaan Negeri Kelantan kepada sukan wanita yang patuh syariah. Selain itu, aktiviti sukan khusus untuk wanita seperti aktiviti berkuda, memanah, Tawang Gunung Stong, *Nisa' Indoor Games*, Kejohanan Bola Jaring Wanita Peringkat Parlimen, Boling Wanita dan Pertandingan Senam Robik Wanita juga turut dianjurkan.

## **6.8 Penganjuran Program Hiburan Wanita SECARA TERTUTUP**

Dalam industri hiburan, Kerajaan Negeri Kelantan tidak terkecuali dalam memberi peluang kepada golongan wanita untuk berhibur mengikut syariat Islam. Pelbagai program hiburan **secara tertutup** khusus untuk wanita telah dianjurkan oleh kerajaan negeri melalui UPWK sejak tahun 2011, antaranya *Ladies Night*, *Wanita Kelantan Got Talent*, *Muslimah Cultural Night*, dan *Malam Kesenian Wanita Kelantan*. Sepanjang program hiburan ini dilangsungkan, semua petugas program terdiri dalam kalangan wanita termasuklah petugas rakaman, jurugambar dan juga petugas bahagian teknikal sistem siar raya (*PA System*).



Antara peserta Program Tawan Gunung Stong, Kuala Krai, anjuran Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan.



Persembahan Silang Budaya sempena Ekspo Cheng Ho 2010, 26 November 2010 di Gelanggang Seni, Kota Bharu.

## **6.9 Penganugerahan Tokoh Wanita Kelantan**

Kerajaan Negeri Kelantan mengangkat fungsi dan maruah wanita ke takhtanya dan memberi penghormatan sewajarnya mengikut nilai Islam. Penghormatan diberi kepada wanita bertujuan meraikan dan mengiktiraf peranan dan jasa bakti wanita dalam pembangunan negeri. Pelbagai Anugerah Tokoh Wanita telah diberikan antaranya Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid, Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar, Tokoh Siti Aminah Abdul Wahab, Tokoh Zinnirah Al-Rumiyyah, Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah, Tokoh Wanita Kelantan Antarabangsa dan Tokoh Ibu Mithali.

## **6.10 Mengiktiraf Peranan Para Ibu dengan Mengurniakan Anugerah Ibu Mithali**

Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mengiktiraf wanita melalui Penganugerahan Tokoh Ibu bagi menjadikan mereka sebagai ikon masyarakat untuk dicontohi.

## **6.11 Mengiktiraf Kecemerlangan Para Wanita Kelantan dalam Pelbagai Bidang**

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan senarai penerima anugerah tokoh wanita dalam pelbagai bidang dan anugerah tokoh ibu mithali peringkat negeri Kelantan sejak tahun 2005 – 2007 dan pada tahun 2015 – 2016.

*Jadual 2 : Senarai nama Tokoh Wanita dan Tokoh Ibu*

TAHUN	ANUGERAH	NAMA
2005	Tokoh Ibu	Puan Hajah Aisahah Bt Ibrahim
		Puan Hajah Che Nab Che Mamat
		Puan Timah @ Fatimah Jusoff
		Puan Meriam Bt Hj Mat Sin
		Puan Jeriah@ Nafisah Hamat
		Puan Hajah Zainab Bt Isa
2006	Tokoh Wanita (Keusahawanan)	Puan Hajah Che Nasiah Che Omar
	Tokoh Wanita (Pendidikan)	Puan Hajah Siti Aishah Haji Abdul Rahman
	Tokoh Wanita (Kemasyarakatan)	Puan Hajah Zainah Hassan
2007	Tokoh Ibu Bekerja	Puan Hasiah Ismail
	Tokoh Ibu Armalah	Puan Hajah Fatimah Hj Hassan
	Tokoh Ibu OKU	Puan Minah Bt Jusoh
	Tokoh Suri Rumah	Puan Hajah Wan Esah Wan Abdullah
	Tokoh Ibu Kategori Anugerah Khas	Puan Noraini Bt Ismail
2015	Anugerah Saidatina Khadijah Khuwailid (Keusahawanan)	Puan Che Rahmah @ Mek Bung Binti Abu Bakar
	Anugerah Saidatina Zainab Khuzaimah (Kategori Kepimpinan & Kemasyarakatan)	Dr. Hafidzah Hj Mustakim
	Anugerah Saidatina Aisyah Abu Bakar (Kategori Pendidikan)	Prof. Dr. Siti Amrah Sulaiman
	Anugerah Siti Aminah Abdul Wahab (Kategori Armalah)	Puan Wan Siti Normah Binti Wan Ishak
	Anugerah Zinnirah Al Rumiyyah (Kategori Orang Kurang Upaya)	Puan Hajah Che Minah Bt Awang
2016	Tokoh Wanita Kelantan Antarabangsa	Prof. Emeritus Datin Dr. Nik Safiah Nik Ab Karim
	Tokoh Saidatina Khadijah	Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak

<b>TAHUN</b>	<b>ANUGERAH</b>	<b>NAMA</b>
2017	Tokoh Suri Mithali (Suri Kepimpinan)	YB Siti Zailah Mohd Yusoff
	Tokoh Suri Mithali (Suri Kemasyarakatan)	Puan Aminah Ismail@ Nik Shamsiah Nik Ismail
	Tokoh Suri Mithali (Suri Hero Rakyat)	Puan Hazimah Khalipah
	Tokoh Suri Mithali (Suri OKU)	Puan Sharifah Raudah Syed Akil
	Tokoh Suri Mithali (Suri Kerjaya)	Puan Ibtisam Abdul Ghani Azmi
	Tokoh Suri Mithali (Suri Lestari)	Puan Wan Noriah Wan Ramli
	Tokoh Suri Mithali (Suri Inspirasi)	Datin Nik Zulaili Nik Yaacob
	Tokoh Suri Mithali (Suri Emas)	Datin Hajah Hasnah Salleh
	Tokoh Suri Mithali (Buah Hati Suri)	Cik Nur Zulfatul Insyirah Zamri



Antara penerima Anugerah Tokoh Suri Mithali sempena HSK 2017 di Dewan Besar Balai Islam, Lundang, 17 Oktober 2017.



Penerima Anugerah Tokoh Wanita sempena HSK 2016 bergambar bersama YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan selepas Majlis Perasmian HSK 2016, 14 Ogos 2016.



Puan Che Halimah Che Ahmad, pemilik Nasi Berlauk Kak Chik menerima anugerah daripada YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.



Puan Fatimah Busu menerima Anugerah Sastera Negeri Kelantan 2015 daripada YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.



*Antara penerima pengurniaan Tokoh Wanita Kelantan 2015 yang disempurnakan oleh Yang Mulia Tengku Puan Temenggong Kelantan,  
27 April 2015.*



*Penerima Anugerah Tokoh Ibu Tahun 2007.*

## **6.12 Anugerah Tokoh Beliawanis**

Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2007 di bawah Urus Setia Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan telah menganjurkan pencarian Tokoh Beliawanis sebagai satu wadah untuk mengiktiraf kepimpinan dan ketokohan beliawanis negeri Kelantan. Pada waktu itu, YB Senator Hajah Mumtaz Md Nawi, 35, telah dianugerahkan Tokoh Beliawanis 2007. Pemilihan beliau yang cemerlang dalam semua bidang, merangkumi akademik, kerjaya, politik dan NGO telah melayakkan beliau merangkul gelaran tersebut yang julung-julung kali diperkenalkan oleh kerajaan negeri.

Pada tahun 2011, Ustazah Nurul Akma Mohamed @ Sheik Mohd Amin pula telah mendapat anugerah Tokoh Anak Muda Kelate 2011 bagi kategori Ulama' Muda. Beliau juga merupakan penerima anugerah jurnal terbaik sempena *Muzakarah and International Fiqh Conference* pada 22 November 2016. Beliau telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk “Program Wanita Negeri Kelantan di Bawah Dasar Membangun Bersama Islam: Pencapaian dan Cabaran”.



*YB Senator Hajah Mumtaz Md Nawi,  
menerima anugerah Tokoh Beliawanis 2007.*



*Ustazah Nurul Akma Mohamed @ Sheik Mohd Amin menerima anugerah Tokoh Anak Muda Kelate 2011 daripada YAB Menteri Besar Kelantan.*

## **6.13 Mengguna Pakai Nama Tokoh Wanita Islam di Pusat Aktiviti Peniagaan**

Nama Pasar Besar Buluh Kubu di Kota Bharu telah ditukar oleh Mantan Menteri Besar Kelantan, Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat pada awal 90-an kepada nama Pasar Besar Siti Khadijah sebagai tanda penghormatan dan untuk menghargai sumbangan kaum wanita dalam bidang perniagaan. Ini kerana, kira-kira 80 peratus majoriti peniaga di pasar tersebut terdiri daripada golongan wanita. Selain itu, beberapa pasar harian di bandar lain dalam negeri Kelantan turut dinamakan dengan nama-nama tokoh wanita Islam, seperti Pasar Siti Aisyah di Bachok dan Pasar Siti Hajar di Pasir Puteh, Bazar Siti Aisyah di Kota Bharu, Bazar Siti Aminah dan Bazar Siti Fatimah di Rantau Panjang.



*Warna-warni di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu*



*Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu dari pandangan luar.*

## **6.14 Kesimpulan**

Sesungguhnya amat jelas sifat kecaknaan Kerajaan Negeri Kelantan dengan memberikan pelbagai pengiktirafan terhadap kaum wanita demi menghargai usaha dan jasa mereka terhadap negeri. Ianya juga jelas menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri Kelantan dalam meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam pembangunan secara lebih berkesan dan sistematik. Wanita memainkan peranan penting di dalam dan di luar rumah serta merupakan rakan sinergi dalam mengembangkan ekonomi negeri. Oleh itu, telah menjadi satu keperluan kepada kerajaan untuk memperkasa wanita supaya seimbang dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Sesungguhnya wanita di Kelantan benar-benar dibela, baik dari perspektif undang-undang mahupun aspek-aspek penting lain dalam kehidupan wanita.

# BAB 7

## KEUSAHAWANAN & SOSIO EKONOMI



Mini Darul Niswah

- :: Ruang Pameran & Ju
- :: Bengkel Jahitz
- :: Sudut Belajar Se
- :: Pusat N.G
- :: Bengkel Ku
- :: Sudut Informasi W
- :: Sudut Kr
- :: Ruang
- :: Sudut Dapur





## **7.1 Pendahuluan**

Wanita masa kini tidak lagi hanya berperanan sebagai suri rumah tangga yang menjalankan fungsi reproduksi, mengurus anak dan suami atau pekerjaan domestik lainnya, tetapi sudah aktif berperanan dalam pelbagai bidang kehidupan, baik sosial, ekonomi maupun politik. Di Kelantan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program sosio-ekonomi untuk melahirkan kaum wanita yang cemerlang dan berdikari. Justeru itu, bidang keusahawanan bukan lagi menjadi suatu bidang yang asing bagi golongan wanita Kelantan. Dalam bab ini membincangkan tentang program-program sosio ekonomi yang telah dilaksanakan di Kelantan dan keterlibatan wanita Kelantan di dalam bidang keusahawanan yang terbukti memberi sumbangan dalam kemajuan pembangunan sosio ekonomi.

## **7.2 Membina Pusat-pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di 45 DUN yang Menjadi Pusat Aktiviti Wanita**

Pusat Pembangunan Wanita Kelantan telah ditubuhkan sejak tahun 2005 di bawah Kerajaan Negeri Kelantan. Program yang dilaksanakan di semua PPWK adalah bengkel jahitan yang disasarkan penyertaannya kepada wanita tempatan samada beliawanis, ibu tunggal (armalah) atau suri rumah yang mempunyai tahap kewangan yang minima. Sehingga sekarang sebanyak 45 buah PPWK telah ditubuhkan di 45 DUN dan seramai 4,563 orang pelajar telah berdaftar sebagai pelatih PPWK.

### **7.3 Mengadakan Majlis Graduasi Khas untuk Pelajar Jahitan & Sulaman Pusat Pembangunan Wanita Kelantan**

Majlis Graduasi diadakan sejak tahun 2006 bagi memberi pengiktirafan kepada pelatih/ pelajar yang telah menduduki peperiksaan praktikal dan teori mengikut piawai persijilan Kemahiran Malaysia. Sehingga kini seramai 3,950 orang pelajar telah berjaya bergraduasi. Beberapa pengiktirafan diberikan sepanjang majlis graduasi tersebut antaranya Anugerah Jarum Emas, Anugerah Terbaik Parlimen, Anugerah Datin Siti Zabidah, Anugerah Datin Tuan Sabariah, Usahawan Harapan dan PPWK Terbaik . Berikut adalah antara senarai penerima anugerah dari tahun 2012-2017:

Berdasarkan jadual dibawah, ia menunjukkan berlaku peningkatan jumlah penerima-penerima anugerah majlis graduasi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) dari tahun 2012 hingga 2017. Hal ini membuktikan Negeri Kelantan mampu melahirkan lebih ramai lagi wanita yang mampu berdikari dan berdaya saing dalam bidang keusahawanan.

*Jadual 3 : Senarai penerima anugerah*

2012			
BIL.	ANUGERAH	NAMA	PPWK
1	Jarum Emas	Rosnoni ismail	Chempaka
2	Benang Perak	Siti Zubaidah Bt Md Kamil	Pusat Sulaman
3	Tuan Sabariah	Fatimah Bt Mamat	Wakaf Baru

2013

BIL.	ANUGERAH	NAMA	PPWK
1	Jarum Emas	Siti Haryani Ab Halil	Chempaka
2	Benang Perak	Noorashikin Jasney	Salor
3	Tuan Sabariah	Romadiah Che Mat	Gaal

2014

BIL.	ANUGERAH	NAMA	PPWK
1	Jarum Emas	1) Tuan Mazlein Mohamad 2) Ruhaya Yusoff 3) Khatijah Md Yusoff	Pengkalan Kubor Pasir Pekan Tawang
2	Gunting Emas	Tuan Suzeaini Tuan Mat	Chempaka
3	Tuan Sabariah	Wan Noriha Wan Amat	Demit
4	Siti Zabidah	Suriani Setapa	Kelaboran

2015

BIL.	ANUGERAH	NAMA	PPWK
1	Jarum Emas	1) Siti Faridah Mohd Yusof 2) Nur Syahirah Nadhirah Kamal 3) Siti Fatimah Razale	Chempaka Kelaboran Selising
2	Gunting Emas	Rabiatul Adawiyah Mohd Safi	Chempaka
3	Tuan Sabariah	Maznah Daud	Kelaboran
4	Siti Zabidah	Romadiah Che Mat	Gaal
5	Keushawana n Harapan	Siti Hidayah Mamat	Kemuning

2016

BIL.	ANUGERAH	NAMA	PPWK
1	Jarum Emas	1) Siti Aishah Bt Shakri 2) Siti Aishah @ Noor Hasmida Bt Mansor 3) Zaviah Bt Md Noor	P. Kubor Chempaka Gaal Gaal
2	Gunting Emas	Nur Juliana Bt Ramli	Chempaka
3	Tuan Sabariah	Zuraida Hassan	Gaal
4	Siti Zabidah	Wan Esah Bt Wan Hussin	P. Kubor

2017

BIL	ANUGERAH	NAMA	PPWK
1	Jarum Emas	1) Nurul Akmal Mat 2) Che Aziah Che Jusoh 3) Nor Akma Ab Rahman	Gaal Kemuning Gual Periok
2	Gunting Emas	Nurul Amila Nasrin M.Zamil	Chempaka
3	Benang Perak	Hakimah Yusoff	PLWOA
4	Tuan Sabariah	1) Zaleha Mat Yusoff 2) Suriha Musa 3) Suhaili ismail 4) Nur Adila Che Kob 5) Norazira Che Ahmad Nordin 6) Rosnah Rozaida Jusoh 7) Siti Rahel Abdul Wahab 8) Suzilawati Mat Ghani 9) Miss Alisa Krinkrun 10)Che Anis Khairiah Che Man 11)Rosnah Omar 12)Norziyah Kassim 13)Wan Siti Zaharah Wan Ismail 14)Siti Nor Baizura Zakaria	Wakaf Baru P. Chepa Tg Mas Pasir Pekan Meranti Demit Perupok Kadok Gual Ipoh Semerak P.Chondong Kuala Balah Guchil Galas



*YB Mohamad Zaki Ibrahim (ADUN Kelaboran) ketika menyampaikan Sijil kepada pelajar kaum Siam dari PPWK DUN Kelaboran dalam Majlis Graduasi PPWK.*



*Antara pelatih PPWK dalam  
Majlis Graduasi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan Ke-9  
di Pusat Tarbiyyah Islamiah Kelantan (PUTIK), 16 Disember 2014*

## **7.4 Perkongsian Bijak/ Smart Exchange Universiti Limkokwing & Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)**

Sempena 25 tahun kerajaan Membangun Bersama Islam, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif baru dengan mendaftarkan seramai 17 orang graduan PPWK dalam bidang rekaan fesyen dengan tambahan silibus khas Dasar Membangun Bersama Islam yang patuh syariah dan bercirikan identiti tempatan melalui kerjasama pintar dengan Universiti Limkokwing Kampus Kelantan pada awal tahun 2015 dan kini pengurusannya telah diambil alih oleh pihak YAKIN.

Hasil daripada kerjasama tersebut, 13 graduan PPWK telah pun berjaya menamatkan pengajian mereka di Universiti Limkokwing pada 14 disember 2016 dan majlis konvokesyen mereka telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Turut hadir bersama ke majlis tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Yb Hajah Mumtaz Md Nawi bersama Timbalan beliau YB Hajah Wan Ubaidah Omar, dan ADUN Tanjong Mas YB Hajah Rohani Ibrahim bagi meraikan kejayaan mereka.



Pertemuan dua hala antara Pihak UPWK Negeri Kelantan dan pihak Universiti Limkokwing, Selangor.



Antara graduan PPWK yang berjaya bergraduasi di Universiti Limkokwing, 14 Disember 2016 (Rabu)

## **7.5 Pelancaran Kelab Alumni Jahitan Wanita Kelantan (AJWA)**

Kelab Alumni PPWK ditubuhkan secara rasmi pada 10 Oktober 2011 dan telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Bentara Setia Hajah Tuan Sabariah Tuan Ishak bersempena dengan Majlis Graduasi PPWK kali ke-6. Persatuan Alumni PPWK merupakan sebuah persatuan yang menggabungkan para graduan lepasan PPWK yang lulus dalam peperiksaan jahitan. Penubuhannya adalah bertujuan menghimpunkan semua bekas pelajar PPWK bagi mewujudkan rangkaian perhubungan antara Alumni dan Kerajaan Negeri secara berkekalan. Pada 15 Disember 2015, kelab ini telah dijenamakan semula dengan Kelab Alumni Jahitan Wanita Kelantan (AJWA) dan dilancarkan sempena Himpunan Alumni Pusat Pembangunan Wanita Kelantan



*YB Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah menyampaikan kad AJWA sebagai menyempurnakan gimik Pelancaran Kelab AJWA di Dewan Besar Balai Islam, Lundang, 15 Disember 2015*




*Antara sebahagian Alumni PPWK bergambar bersama YB Dato' Nik Amar (Timbalan Menteri Besar Kelantan) di Dewan Besar Balai Islam, Lundang,  
15 Disember 2015 (Selasa)*

## **7.6 Menaik taraf Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) kepada Mini Darul Niswah**

Kerajaan Negeri Kelantan telah menaiktaraf 16 buah PPWK terpilih, yang terletak di 14 Parlimen seluruh negeri Kelantan kepada Mini Darul Niswah, iaitu Pusat Aktiviti Sepadu Wanita atau *Women Activity Centre* dan juga sebagai satu pusat pelancongan khas wanita yang wajib dilawati. Projek Mini Darul Niswah ini telah dimulakan pada akhir tahun 2015 setelah 10 tahun penubuhan PPWK di negeri Kelantan.

Senarai **16 PPWK** yang terpilih sebagai Mini Darul Niswah:

BIL.	DUN	PARLIMEN
1	Kelaboran	Tumpat
2	Pasir Pekan	
3	Chempaka	Pengkalan Chepa
4	Panchor	
5	Tanjong Mas	Kota Bharu
6	Tendong	Pasir Mas
7	Gual Periok	Rantau Panjang
8	Demit	Kubang Kerian
9	Jelawat	Bachok
10	Melor	Ketereh
11	Gual Ipoh	Tanah Merah
12	Selising	Pasir Puteh
13	Kemuning	Machang
14	Kuala Balah	Jeli
15	Mengkebang	Kuala Krai
16	Galas	Gua Musang



#### Mini Darul Niswah

- :: Ruang Pameran & Jualan
- :: Bengkel Jahitan
- :: Sudut Belajar Sendiri
- :: Pusat N.G.O
- :: Bengkel Kulinari
- :: Sudut Informasi Wanita Kelantan
- :: Sudut Kraftangan
- :: Ruangan Solat
- :: Sudut Dapur Hijau 'Gardenita'



*Mini Darul Niswah dilengkapi dengan infrastruktur yang berpotensi tinggi dan berdaya saing.*



*Wajah baru PPWK apabila dinaik taraf kepada Mini Darul Niswah*

## **7.7 Menganjurkan Program Jom Buat Duit Dari Rumah**

Program ini dilaksanakan di semua PPWK dalam tempoh empat fasa dan ia merupakan program kemahiran yang disasarkan untuk wanita seluruh Kelantan khususnya golongan armalah yang berminat dan mempunyai tahap keupayaan kewangan yang minima.

## **7.8 Menganjurkan Kursus Kulinari Desa**

Rentetan daripada program Jom Buat Duit Dari Rumah, Kursus Kulinari Desa telah diadakan bagi menyediakan wanita Kelantan dengan pelbagai kemahiran. Antara aktiviti bengkel masakan yang dijalankan adalah seperti Bengkel Kaedah Penyediaan Makanan, Membuat Makanan Segera Sejuk Beku (*Frozen Food*), Mee Kuning, Makanan Tradisional & Barat, Aneka Kuih-muih, Puding dan Hiasan Kek.



*YB Haji Abdul Aziz Bin Kadir menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada peserta Jom Buat Duit Dari Rumah DUN Jelawat*



*Program Kursus Kulinari Desa membantu golongan wanita meningkatkan kemahiran dalam bidang masakan.*

## **7.9 Menganjurkan kursus kepada pelatih PPWK yang masih belajar dan juga yang telah bergraduasi**

Kursus atau bengkel berkaitan keusahawanan juga turut diketengahkan kepada pengurusan PPWK, para pelatih dan juga alumni PPWK. Antara kursus yang disediakan adalah:

1. Hari Orientasi Pelatih/ Kursus Motivasi Pelatih (Untuk Pelatih baru PPWK)
2. Kem Bina Usahawan/ Bengkel Bina Usahawan (Untuk Graduan PPWK)
3. Kursus Pemasaran Produk (Untuk Pengurusan PPWK)
4. Kursus Pengendalian & Penyelenggaraan Mesin Jahit Serbaguna Epal (Pengurusan dan pelatih PPWK)

## **7.10 Bantuan khusus untuk usahawan wanita melalui Tabung Usahawan Wanita**

Tabung Usahawan Wanita ini diperkenalkan pada tahun 2016 dimana peruntukan sebanyak RM 225,000.00 diberikan kepada peniaga/ usahawan wanita di seluruh negeri Kelantan. Peruntukan ini berupa barang dan peralatan untuk membantu peniaga/ usahawan wanita bagi memajukan lagi perniagaan mereka. Bantuan telah dapat dimanfaatkan kepada seramai 140 orang penerima bagi tahun 2016 dan 274 orang bagi tahun 2017.



*YB Hj Zulkifli Bin Mamat menyampaikan sumbangan peralatan perniagaan kepada usahawan wanita dalam DUN Pulai Chondong*

## **7.11 Bantuan Pembangunan Sosio Ekonomi Armalah**

Bantuan Sosio Ekonomi [تجاره] merupakan bantuan alatan perniagaan yang diberikan kepada armalah yang ingin memulakan atau memajukan perniagaan melalui DUN atau melalui Exco Keusahawan dan agensi Kerajaan Negeri berkaitan.

## **7.12 Melancarkan Projek Dapur Hijau atau ‘Gardenita’**

Projek “Dapur Hijau” atau “Gardenita” yang telah dilancarkan pada tahun 2015 adalah projek kerjasama pintar antara Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan dengan kerjasama Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau dan agensi di bawahnya termasuk Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dan Kelantan Biotech Sdn Bhd. Projek ini adalah salah satu usaha kerajaan negeri untuk melengkapkan wanita dengan kemahiran yang berbentuk pertanian. Ia dilaksanakan di setiap DUN melalui 45 Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) meliputi penanaman sayur-sayuran, ulam-ulaman, herba, rempah ratus dan bunga bagi menyedarkan wanita bahawa mereka boleh menyediakan sendiri keperluan dapur untuk ahli keluarga. Tema program tersebut ialah “Kita tanam apa yang kita makan dan kita makan apa yang kita tanam- Bertani Satu Ibadah”



*YB Ustaz Ahmad Fathan Mahmood menyampaikan bantuan berupa mesin jahit kepada usahawan armalah di DUN Chempaka*



*YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan menyampaikan Kit Dapur Hijau kepada wakil PPWK sempena Majlis Pelancaran Projek Dapur Hijau 'Gardenita'*

## **7.13 Melaksanakan Sistem Gadaian Islam (ar-Rahn) dan Mengarahkan Semua Pajak Gadai Riba Ditukar Kepada Sistem Islam**

Sebahagian besar pelanggan pajak gadai ini merupakan golongan wanita dan penukaran sistem pajak gadai riba kepada sistem pajak gadai Islam (ar-Rahn) ini telah membantu menyediakan kemudahan untuk rakyat, terutamanya golongan wanita untuk meminjam wang dengan segera tanpa terlibat dengan amalan riba.

## **7.14 Kesimpulan**

Kesimpulannya, wanita di Kelantan telah melalui proses perubahan yang membawa kepada pembaharuan dan pemodenan. Program-program sosio ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri telah menyentuh agenda ekonomi, pekerjaan, harta dan keperluan asasi masyarakat. Selain itu, kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat telah berubah dan mereka bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi negara malah turut menyumbang kepada pembangunan sosial. Keterlibatan kaum wanita Kelantan dalam bidang keusahawanan juga dilihat sebagai sesuatu yang bersifat positif terhadap perkembangan ekonomi negeri mahupun negara. Seiring kaum lelaki, wanita juga tidak melepaskan peluang untuk turut sama memeriahkan lagi bidang keusahawanan di Malaysia. Perkembangan pesat ekonomi negara menggamit lebih ramai wanita untuk melibatkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan.

# BAB 8

## KEBAJIKAN





## **8.1 Pendahuluan**

Negeri Kelantan merupakan negeri berkebajikan. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Kelantan agak berbeza dengan pendekatan politik pihak lain kerana kerajaan Kelantan menggunakan kerangka Islam sepenuhnya dalam memperkenalkan program kebajikan wanita khususnya di Kelantan.

## **8.2 Projek seluar mesra syariah untuk ibu bersalin yang dinamakan *Mamapride***

Seluar Bersalin Mesra Aurat “Mamapride” merupakan projek kerjasama pintar antara Koperasi Amalmedik dan Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan. Ia telah dilancarkan oleh YB Hajah Mumtaz Md Nawi, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan semasa Sambutan Hari Wanita 2014 di Dewan Kelantan Trade Center (KTC) pada 16 Jun 2014. Seluar Mamapride merupakan seluar bersalin patuh shariah pertama di dunia yang dicipta khas untuk memelihara maruah dan aurat wanita. Kini, seluar bersalin ini telah digunakan oleh ibu-ibu di beberapa buah hospital mesra Mamapride di seluruh Malaysia dan telah sampai ke beberapa buah negara luar seperti United Kingdom, Paris dan Arab Saudi. Produk ini juga turut mendapat sambutan di kalangan wanita bukan Islam dan sekarang terdapat lebih 100 orang agen yang memasarkan Mamapride.

### **8.3 Cuti bersalin ditambah dari 42 hari kepada 60 hari**

Kerajaan negeri telah menambah cuti bersalin selama 60 hari bermula 1 Mac 1991 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun, 1991). Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 1991 menyebut bahawa kerajaan negeri bersetuju meminda tempoh cuti bersalin bergaji penuh daripada 42 hari kepada 60 hari, mulai dari hari anak itu dilahirkan, termasuk cuti hujung minggu dan hari kelepasan Am. Kemudahan ini diberikan kepada pegawai/kakitangan wanita kerajaan negeri bagi tujuan pemulihan dari bersalin. Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang sama pada tahun 1998 melalui Pekeliling Perkhidmatan 2 Tahun 1998 "Kemudahan Cuti Pegawai Bersalin".

### **8.4 Suami kepada isteri bersalin diberi cuti seminggu (termasuk cuti am)**

Selepas bersalin, isteri memerlukan suami untuk menguruskan dan menyediakan keperluan yang berkaitan. Bagi menjaga kebijakan wanita, para suami bagi isteri yang bersalin diberikan kemudahan cuti seminggu untuk menguruskan keperluan isteri mereka.



Pelancaran produk Mama Pride Sempena Hari Sambutan Wanita 2014,  
Dewan Konvensyen Kelantan Trade Center (KTC), 16 Jun 2014 (Isnin)



Seluar khusus untuk wanita bersalin yang direka khas bagi muslimah

## **8.5 Pelaksanaan Cuti Ihdad (Cuti 30 hari dengan gaji penuh untuk kakitangan wanita yang kematian suami)**

Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkenalkan Cuti Ihdad selama 30 hari bagi wanita yang kematian suami buat kali pertama. Ini menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri yang pertama menyediakan kemudahan cuti ihdad dengan bergaji penuh agar kehidupan berkeluarga lebih menepati syariat dan golongan balu diberi peluang untuk menguruskan hal-hal penting di dalam keluarga selepas kematian suami sebelum kembali berkhidmat.

Meskipun Cuti Ihdad di dalam syariat Islam adalah selama 4 bulan 10 hari bagi wanita yang tidak hamil, namun peruntukan 30 hari tersebut boleh dianggap sebagai satu kejayaan yang besar bagi Kerajaan Negeri Kelantan kerana melibatkan implikasi pentadbiran dan kewangan. Sebelum ini, cuti yang diberikan adalah selama 3 hari dan bermula November 2013 cuti tersebut telah ditambah 27 hari menjadikan 30 hari jumlah cuti tersebut.

## **8.6 Mewujudkan Skim Manfaat Armalah (Ibu Tunggal) (SMA) (منفعة)**

Bantuan *one-off* kepada wanita yang miskin/ miskin tegar yang kematian suami di mana umur suami waktu meninggal adalah bawah 60 tahun atau suami yang berumur 60 tahun ke atas yang tidak berdaftar dengan Kifaalah Warga Emas.



*Majlis penyampaian sumbangan kepada armalah DUN Chempaka*



*Majlis penyampaian sumbangan kepada armalah di DUN Pasir Tumboh*

## **8.7 Mewujudkan Skim Khairat Armalah (SKA) (خیرات)**

Bantuan *one-off* kepada wasi bagi armalah bawah 60 tahun yang berdaftar setelah meninggal dunia.

## **8.8 Menyediakan Bantuan *one-off* kepada Armalah miskin (AD-HOC)**

Bantuan *one-off* kepada armalah miskin di DUN bagi mengurangkan beban perbelanjaan.

## **8.9 Bantuan Rancangan Kecil Pembangunan (RKP)**

Bantuan RKP ini boleh dipohon oleh armalah yang memerlukan melalui YB ADUN masing-masing.

## **8.10 Bantuan Orang Miskin (BOM)**

Bantuan ini berbentuk sumbangan pelbagai termasuklah sumbangan kepada mana-mana armalah miskin yang memerlukan.

## **8.11 Skim Pendidikan Anak Yatim/ Anak Armalah (SPY) (دراسة)**

Bantuan Pendidikan kepada anak yatim dan anak armalah bagi mengurangkan beban tanggungan pendidikan.



*Majlis penyampaian sumbangan bantuan pendidikan oleh YB Haji Huzaimi Che Husin ADUN Perupok*



*YB Abdul Latif ADUN Mengkebang bergambar bersama penerima bantuan pendidikan*

## **8.13 Menubuhkan Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA)**

Kerajaan Negeri juga telah membangunkan inisiatif baru dalam pembangunan kebajikan melalui penubuhan Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA) pada tahun 2014 bagi menyemai dan menyuburkan semangat kesukarelaan dan kerja khidmat komuniti di kalangan rakyat, NGO dan anak muda dalam melakukan kerja-kerja kebajikan. Setakat ini ahli berdaftar telah melebihi seribu orang dan sukarelawan wanita seramai 670 orang. Mereka kini bergiat aktif dalam memberi perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan.

## **8.12 Menubuhkan Skuad Ziarah Kebajikan (Skuad Kita Cakna )**

Skuad Kita Cakna (SKC) telah ditubuhkan sejak tahun 2010 dan mula dilancarkan pada 31 Mac 2011. Ia ditubuhkan bagi membentuk kumpulan sokongan dan pemantau setempat dalam menjayakan misi serta hasrat kerajaan dalam hal kesejahteraan, kebajikan dan kemaslahatan masyarakat setempat. Seramai 10 orang ahli yang menggerakkan SKC bagi setiap DUN dan jumlah keseluruhan untuk 45 DUN ialah seramai 450 orang.



Himpunan Skuad Kita Cakna 2014, Dewan Jubli Perak, 17 Mac 2014



Antara sukarelawan yang terlibat dengan Kem Mesra Siri 1

# MENCARI SINAR

*Di Sebalik Sebuah Kehidupan  
“Teman Yang Mendengar”*

## Tawaran Perkhidmatan

- KAUNSELING INDIVIDU
- KAUNSELING KELOMPOK
- KHIDMAT NASIHAT DAN BIMBINGAN
- KHIDMAT PENERANGAN
- BENGKEL DAN LAIN-LAIN

*Kerjaya - Emosi - Agama - Peribadi  
Ekonomi - Perkahwinan - Sosial  
Akademik - Keluarga*

Perkhidmatan Kami Adalah Percuma  
dan Etika Kerahsiaan Diutamakan!

## KHIDMAT NASIHAT UPWK

Hubungi atau lawati kami di:  
Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan  
Kerajaan Negeri Kelantan  
PT 109, Wisma Dr.Alias, Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu Kelantan  
Tel: 09-747 6568/09-747 6569 Fax: 09-747 6510

**HOTLINE : 013-983 5912**  
**E-MAIL : upwkk@kelantan.gov.my**  
**WEB : <http://www.upwkk.kelantan.gov.my>**

## 8.14 Perlantikan pegawai khidmat nasihat untuk wanita-wanita

Perlantikan pegawai khidmat nasihat untuk wanita-wanita teraniaya telah bermula sejak tahun 2010. Ia bermula dengan Pn Ilvira Mohd Dasuki yang dilantik pada tahun 2010 di bawah Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan dan penjawat Pegawai Khidmat Nasihat UPWK sekarang ialah Cik Susilawati Hasan.

## **8.15 Kesimpulan**

Tidak dinafikan bahawa pelbagai usaha Kerajaan Negeri Kelantan bagi memelihara kemaslahatan wanita sebagai anak, isteri, ibu, ahli keluarga, pekerja dan anggota masyarakat adalah menepati misi Islam dalam penjagaan dan pembangunan wanita.



# BAB 9

## INFRASTRUKTUR





## **9.1 Pendahuluan**

Istilah infrastruktur adalah merujuk kepada satu kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Kemudahan ini diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, masyarakat, organisasi dan lain-lain. Hal ini bertujuan untuk memenuhi keperluan ekonomi dan sosial masyarakatnya. Pembangunan demi pembangunan telah dilakukan oleh kerajaan Negeri Kelantan termasuklah pembangunan dari segi infrastruktur. Pembangunan Infrastruktur amat penting dalam memastikan keperluan dan kemudahan asas masyarakat khususnya wanita dapat dipenuhi agar terus berdaya saing dengan lebih produktif. Berikut adalah antara usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan dan infra yang terbaik mengikut keperluan wanita di Kelantan.

## **9.2 Penubuhan Pusat Kemahiran Wanita Kelantan**

Kerajaan telah menubuhkan Pusat Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK) di peringkat negeri, yang terletak di Jalan Bayam, Kota Bharu yang berfungsi sebagai pusat pengurusan kepada 45 PPWK DUN. PKWK juga menyediakan kursus pembangunan kemahiran seperti Bengkel Kulinari dan Masakan, Bengkel Kraftangan dan juga Bengkel Sulaman yang dibuka kepada alumni PPWK dan juga semua wanita Kelantan yang berminat. Kini PKWK telah dinaik taraf menjadi Pusat Latihan Wanita OKU & Armalah bertempat di Bazar Buloh Kubu, Kota Bharu. Sasaran pembangunan wanita, kini diperluaskan dengan tempat yang lebih selesa selari dengan pencapaian PPWK yang cemerlang dan berinformasi.

## **9.3 Penubuhan Pusat Sulaman Negeri Kelantan**

Pusat Sulaman Negeri Kelantan (PSNK) merupakan projek yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bermula tahun 2007 dengan menghantar seramai lapan orang peserta bagi menyertai kursus sulaman Hjh. Rosma di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia dan telah berjaya menamatkan pengajian sulaman selama enam bulan di sana. Pengambilan pelajar siri pertama telah bermula pada bulan Julai 2011. Buat julung-julung kalinya PSNK telah berjaya mengeluarkan 20 orang graduan sulung pada tahun 2012 dan seramai 17 orang graduan, pada tahun berikutnya.



*Pusat Latihan Wanita, OKU & Armalah (PLWOA)  
yang terletak Bazar Buloh Kubu, Kota Bharu*



*Antara pelatih Kursus Sulaman di PLWOA, Kota Bharu*

#### **9.4 Penubuhan Taska Keluarga Mawaddah Berdekatan Dengan Tempat Kerja Bagi Membantu Para Ibu Yang Berkerjaya**

Bagi menyediakan sistem sokongan kepada wanita dalam membesarkan anak-anak, kerajaan negeri melalui UPWK telah menubuhkan Taska Keluarga Mawaddah yang mula beroperasi pada 1 Jun 2015 untuk pengambilan kanak-kanak berusia dari 6 bulan sehingga 4 tahun. Selain daripada penubuhan taska, UPWK juga menganjurkan agar khidmat nurseri ditawarkan di program-program besar seperti Madinah Ramadhan, Kuliah Bulanan Wanita, Sambutan Hari Wanita, Kuliah-kuliah Fiqh Wanita dan seumpamanya bagi memberi peluang kepada ibu-ibu memberikan fokus kepada program yang disertai.

#### **9.5 Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni)**

Darul Auni merupakan rumah perlindungan sementara kepada golongan remaja dan wanita yang bermasalah seperti mangsa penderaan, mangsa rogol dan kes wanita yang dirujuk oleh Mahkamah Syariah. Penghuni akan melalui sesi kaunseling, kemahiran serta latihan yang sesuai sepanjang 6 bulan berada disitu.



*Antara aktiviti kanak-kanak di Taska Keluarga Mawaddah*



*Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni)*

## **9.6 Hospital Wanita (Pusat Perubatan An-Nisa')**

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kelantan Berhad (PKB) telah menubuhkan Pusat Rawatan Islam an-Nisa' iaitu hospital khusus untuk bersalin dan kanak-kanak pada tahun 1995.

## **9.7 Penubuhan Sekolah Wanita**

Kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah menubuhkan sekolah khusus untuk wanita antaranya, Maahad Muhammad (P) Kota Bharu, Maahad Muhammadi (P) Pasir Pekan, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah dan Maahad Shamsul Maarif Pulai Chondong.

## **9.8 Nisa' Book Café (Perpustakaan yang diuruskan oleh pertubuhan anak muda wanita)**

Nisa' Book Cafe adalah gabungan perpustakaan mini, i-cafe, pusat siber serta pusat interaksi sosial yang berkonsepkan santai dan selesa. Pelbagai modul aktiviti dan program pengisian intelektual dan spiritual diatur untuk remaja dan belia dengan kaedah berilmu dan berhikmah. Idea awal penubuhan Nisa' Book Cafe iaitu sejak tahun 2010 lagi, akhirnya berjaya direalisasikan pada 24 Oktober 2015 lalu dengan majlis pelancaran pembukaan Nisa' Book Cafe secara rasmi di tingkat 1, Medan Usahawan, Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.



Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu



YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan membuat lawatan ke *Nisa' Book Cafe*

## **9.9 Menubuhkan Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa**

Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa (PSSH) telah melalui pra pelancaran oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan pada 16 Ogos 2016 bersempena Hari Sayyidatina Khadijah 2016 dan kini beroperasi di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Projek PSSH ini merupakan projek kerjasama pintar Exco Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan; Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) dan Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga & Kebajikan. PSSH diwujudkan sebagai sebuah pusat sumber bagi menyalurkan maklumat dan rujukan berkaitan wanita Kelantan di samping membantu para pelajar, jabatan kerajaan, agensi swasta dan penyelidik untuk mendapatkan maklumat tentang wanita Kelantan. Ia juga ditubuhkan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada wanita Kelantan itu sendiri.

## **9.10 Kesimpulan**

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terhadap pembangunan infrastruktur, wanita Kelantan kini dapat menikmati kehidupan yang lebih efektif. Kemudahan infrastruktur yang wujud di Kelantan juga telah memberikan kesan terhadap sosio ekonomi para wanita malah mewajahkan Kelantan dengan imej yang baik dan cemerlang.



Majlis pra pelancaran Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan pada 16 Ogos 2016 bersempena Hari Sayyidatina Khadijah 2016, Kota Bharu



Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa kini beroperasi di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) Kota Bharu.

## **PENUTUP**

Dasar Membangun Bersama Islam telah berjaya memartabatkan wanita Kelantan menerusi pelaksanaan Dasar Wanita Kelantan dan dasar-dasar kerajaan negeri yang lain. Ianya telah terbukti dengan sistem pentadbiran Islam di bawah Kepimpinan Ulama' yang kini sudah memasuki tahun ke-27, telah berjaya membawa nilai-nilai pembangunan yang bersifat keberkatan, kemakmuran dan kebajikan kepada golongan wanita, juga kepada semua lapisan masyarakat.

Agenda pembangunan wanita ini adalah antara agenda utama kerajaan negeri selari dengan slogan Kelantan Cakna Wanita, yang mana memerlukan penglibatan semua pihak secara kolektif dan bersepada untuk terus dijayakan agar matlamat untuk melahirkan wanita yang serba boleh dalam semua aspek kehidupan termasuklah ekonomi, politik, sosio budaya dan sebagainya akan tercapai.

Pelaksanaan sesuatu dasar secara konsisten merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan sesuatu sistem pentadbiran negara. Kejayaan sesuatu dasar atau sebaliknya adalah bergantung kepada pelaksanaan yang cekap dan berkesan serta sambutan atau respon dari semua peringkat termasuk penerimaan kumpulan-kumpulan sasaran. Persekutaran politik dan ekonomi baik di dalam maupun di luar

negeri juga merupakan faktor yang penting. Dalam proses pelaksanaan dasar, ramai pihak yang turut terlibat khususnya ahli-ahli eksekutif, pegawai-pegawai kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi. Dasar-dasar awam yang diimplementasikan oleh pihak kerajaan akan dapat dilaksanakan sepenuhnya atau mencapai kadar pelaksanaan yang diharapkan jika pegawai-pegawai kerajaan di pelbagai peringkat yang merupakan pelaksana terpenting memahami dan menghayati dasar-dasar tersebut.

Aspek ini perlu diberi penekanan kerana pemahaman yang tepat sebagaimana yang dihasratkan oleh penggubal dasar akan menjadikan mereka lebih komited dalam melaksanakan dasar-dasar itu bagi mencapai kesan yang dikehendaki. Oleh itu, kefahaman dan sokongan oleh semua rakyat tanpa mengira agama dan keturunan terhadap falsafah dan prinsip utama pentadbiran kerajaan negeri ini adalah penting demi kerukunan hidup yang sejahtera dan harmoni.

Diharapkan agar usaha Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) untuk mendokumentasikan semua inisiatif dan aktiviti yang telah dilaksanakan untuk wanita Kelantan melalui buku ‘Kelantan Cakna Wanita’ ini disambut baik oleh semua pihak. Mudah-mudahan di masa akan datang, akan ada lagi ruang dan peluang untuk buku ini ditambahbaik dan seterus-

nya dapat dimanfaatkan oleh semua wanita Kelantan khususnya dan seluruh rakyat Kelantan secara amnya. Semoga Kelantan akan terus melangkah maju kehadapan dalam menjuarai setiap agenda pembangunan ummah yang berlandaskan syariat bagi melahirkan negeri yang makmur dan sejahtera.

# KELANTAN CAKNA WANITA

*Burung Merpati Terbang Berkawan  
Hinggap Seekor Didahan Mempelam  
Ibu Laksana Bintang Gemerlapan  
Cahaya Panduan Jalan Yang Kelam*

*Baik Sudu Baiklah Kaca  
Paruh Hiasan Tulang Belulang  
Baik Ibu Baiklah Bangsa  
Maruah Dipelihara Martabat Dijulang*

*Saga Dihutan Dibilang-bilang  
Cantik Selendang Indah Bersulam  
Wanita Kelantan Hebat Terbilang  
Kelantan Membangun Bersama Islam*

*Kalau Tuan Mudik Ke Muara  
Jangan Lupa Pisang Sesikat  
Kelantan Negeri Cakno Wanita  
Bahagia Dunia Sejahtera Akhirat*

*Andai Roboh Kota Melaka  
Papan Di Jawa Kami Bawakan  
Andai Dicalar Maruah Wanita  
Kelantan Tetap Teguh Mempertahankan*

*Pinang Seulas Sireh Sekapur  
Kias Pinangan Gadis Rupawan  
Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur  
Iltizam Tok Guru Dan Rakyat Kelantan*

*Bayu....Bertiuplah Bayu  
Bawakan Khabar Cinta Hatiku  
Ibu..Engkaulah Ratu Dihatiku  
Syurga Dibawah Tapak Kakimu Ibu.*

## GALERI FOTO



Logo Kelantan Cakna Wanita  
(KTC)



Logo Pusat Pembangunan  
Wanita Kelantan (PPWK)



Logo Pusat Kemahiran Wanita  
Kelantan (PKWK)



Logo Pusat Sulaman Negeri  
Kelantan (PSNK)

## GALERI FOTO



Logo Majlis Perundingan Wanita



Logo Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa (PSSH)



Logo Hari Sayyidatina Khadijah (HSK)



Logo Muslimah International Summit Kelantan (Misk)

## GALERI FOTO



*YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan bersama isteri, membuat demo masakan sempena Majlis Pelancaran Mini Darul Niswah Pasir Pekan, 12 Januari 2017*



*YB Ustaz Mohamad Awang (ADUN Gual Periok) bersama Isteri membuat demo masakan sempena Majlis Pelancaran Mini Darul Niswah Gual Periok, 22 Mei 2017*

## GALERI FOTO



*YB En Rozi Muhamad (ADUN Tendong)  
bersama Isteri membuat demo masakan sempena  
Majlis Pelancaran Mini Darul Niswah Tendong, 13 April 2017*



Majlis Pelancaran Mini Darul Niswah Mengkebang  
13 Rejab 1438H / 10 April 2017 (Isnin)  
UPWK @ PPWK Mengkebang

*Demo masakan oleh YB Hj Mohd Fauzi Abdullah bersama isteri,  
sempena Majlis Pelancaran Mini Darul Niswah Mengkebang, 10 April  
2017 (Isnin)*

## GALERI FOTO



*Datin Hajah Hasmani Husain, isteri kepada YB Dato' Hj Mohd Amar (Timbalan Menteri Besar Kelantan) membuat demo masakan sempena Majlis Pelancaran Mini Darul Niswah Panchor, 4 Februari 2017 (Sabtu)*



*YB Dato' Dr Hj. Ramli Bin Mamat bersama para jururawat sempena Sambutan Hari Jururawat 2016*

## GALERI FOTO



YB Hj Mumtaz Md Nawi bersama YB Hjh Khairiah Mohamed bergambar bersama produk-produk jahitan daripada PPWK Chempaka



## GALERI FOTO



YB Hj. Azami Mohd Nor (ADUN Kadok) meraikan program Dapur Hijau di peringkat DUN Kadok



YB Dr. Yusnan turut sama dengan muslimat dun Melor dalam program Bengkel Kulinari.

## GALERI FOTO



Sesi bergambar bersama Yang Mulia Tengku Puan Temenggong Kelantan sempena Hari Saidatina Khadijah 2015 di Dewan Besar Balai Islam, Lundang, 27 April 2015



Antara tetamu luar negara yang hadir ke Majlis Makan Malam Silaturahim bersama Yayasan Noor As Syakur (YANAS) di Hotel Perdana, 15 Ogos 2016.

## GALERI FOTO



*Wajah baru PPWK apabila dinaik taraf kepada Mini Darul Niswah*



*Wajah baru PPWK apabila dinaik taraf kepada Mini Darul Niswah*

## GALERI FOTO



## GALERI FOTO



*YB Dato' Hj Abdul Fattah Hj Mahmood hadir merasmikan  
Hari Sayyidatina Khadijah DUN Bukit Panau*



*Majlis Penyampaian Bantuan Tabung Usahawan DUN Kemuning oleh YB.  
Ustaz Hj. Mohd Roseli Ismail, Pejabat ADUN Kemuning,  
19 September 2016*

## GALERI FOTO



*YB Hjh Mumtaz Md Nawi menyampaikan bantuan Tabung Usahawan Wanita berupa mesin jahit kepada usahawan wanita di DUN Demit*



*YB Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah menyampaikan bantuan Tabung Usahawan Wanita berupa mesin jahit kepada usahawan wanita di DUN Panchor*

## GALERI FOTO



Pelancaran Buku Membangun Bersama Islam Memartabatkan Wanita Kelantan, sempena Majlis Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016



Pelancaran Buku Sinar Thurayya Di Serambi Mekah, sempena Majlis Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016

## GALERI FOTO

### PPWK Dun Mengkebang raih pelbagai kecemerlangan

Sinar Harian  
12/4/17



Suhaila (empat, kiri) pada Majlis Perasmian Mini Darul Niswah Mengkebang, kelmarin.

KUALA KRAI - Wanita di Dun Mengkebang bertuah apabila berpeluang menimba pengalaman selama 11 tahun di pusat kemahiran sejak ia ditubuhkan pada 2006.

Pengerusi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) Dun Mengkebang, Suhaila Atiqullah berkata, ia ditubuhkan kerajaan negeri bagi membantu menjana pendapatan wanita mencapai matlamatnya.

Menurutnya, pihaknya pernah menjadi pembekal uniform Pasti bagi keseluruhan Dun Mengkebang.

"Pada 2016, seramai 14 pelajar PPWK Dun Mengkebang berjaya menamatkan latihan kemahiran.

"Pada tahun ini, seramai 13 orang berjaya mendaftar untuk mengikuti kelas jahitan selama enam bulan yang setara dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Tahap I," katanya.

Suhaila berkata, PPWK ini juga pernah memenangi beberapa anugerah seperti Pelatih Terbaik Parlimen 2011 dan 2014 daripada Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menurutnya, PPWK Dun Mengkebang juga pernah terpilih sebagai salah sebuah pusat yang dinaik taraf kepada Darul Niswah bagi memperkasaan agenda pem-

bangunan dan berkebajikan berteraskan wanita berdikari.

"Kita juga pernah menjadi juara pertandingan fesyen dan naib johan dalam pertandingan kraf tangan pada sambutan Hari Wanita sempena 20 tahun Kelantan Membangun Bersama Islam pada 2010.

"Pada 2016, PPWK Mengkebang dinaik taraf kepada Mini Darul Niswah," katanya.

Berita Sinar Harian, 12 April 2017

## Sentuhan Tok Guru sentiasa relevan

Bawa dasar bermanfaat untuk semua, termasuk memartabatkan wanita

■ ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU - Sentuhan idea yang dibawa Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sejak sekitar lamanya dalam pentadbiran negeri sentiasa relevan mendepani masa dan turut memartabatkan peranan kaum hawa.

Perkara itu diakui Pensyarah Fakulti Siasah dan Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dr Shukeri Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri, Mumtaz Md Nawi pada Majlis Bual Bicara "Wanita Kelantan Tongkat Serandang Negeri" sempena Hari Saidatina Khadijah 2016.

Shukeri berkata, dasar yang dibawa oleh Nik Abdul Aziz sejak 1990 lagi berpaksikan dasar Membangun Bersama Islam telah memberi kesan kepada pembangunan dan kebajikan wanita di negeri Cik Siti Wan



Shukeri (kiri) dan Mumtaz (tengah) ketika menjadi ahli panel Bual Bicara "Wanita Kelantan Tongkat Serandang Negeri" semalam.

Kembang.

"Dasar yang dibawa oleh Nik Aziz sangat bermanfaat. Pembangunan golongan wanita yang membawa keséjahteraan kepada negeri turut menyumbang kepada kehebatan orang lelaki," katanya.

Menurutnya, metode siasah dalam menjayakan misi pembangunan wanita dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunah sebagai sumber pentadbiran adalah sesuatu yang membangunkan semua.

"Bagaimana pula Nik Aziz

membinanya menjadi Tongkat Serandang Negeri yang kita perlu tahu adalah dengan membentuk persepsi baru bahawa wanita bukan alat ekonomi dan perniagaan.

"Politik Islam Kelantan menyelamatkan kedudukan dan peranan wanita daripada menjadi alat dan eksplorasi ekonomi kapitalis serta pernyokongnya," katanya.

Tambahnya, termasuk juga program yang dilaksanakan ini yang menjadikan nadi penting kepada perkembangan wanita kerana memenuhi skala-skalet sisasis.

Sementara itu, Mumtaz pula melihat betapa caknanya bekas menteri besar itu dalam setiap sudut dalam memperkasakan peranan wanita mengikut landasan Islam.

"Banyak program yang dilaksanakan oleh Allahyarham selama ini untuk menghargai wanita, yang dilukut negeri lain. Saya masih ingat bagaimana arwah tidak suka bila wanita dipanggil janda, tetapi menggelar kumpulan ini se-

bagai armalah," katanya.

Bahkan katanya, sepanjang masa juga kerajaan negeri sangat meningkatkan kebajikan dan menghargai peranan kaum hawa, seterusnya mempromosikan Kelantan sebagai model kerajaan Islam mesra wanita sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sebagai buktinya, kerajaan negeri telah melaksanakan 75 inisiatif Kelantan Cakna Wanita yang merangkumi pelbagai program untuk membantu sahsiah, ekonomi dan juga membimbangi wanita dalam setiap genap cabang kehidupan.

Sempena Hari Saidatina Khadijah 2016, turut dilancarkan tiga buku berjudul Sinar Thuraya di Serambi Mekah Siri 1, Memartabatkan Wanita Kelantan dan Wanita Islam Kontemporari Isu 1, Cabaran dan Amalan Terbaik yang disempurnakan isteri Menteri Besar Kelantan, Datin Siti Zabedah Abdul Hamid.

Berita Sinar Harian, 16 Ogos 2016

## GALERI FOTO

# Peranan wanita diiktiraf

KOTA BHARU - Kerajaan negeri sentiasa memberi peluang kepada wanita di negeri ini untuk mempamerkan usaha dan kejayaan mereka dalam apa sahaja bidang diceburi.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, malah di negeri ini pada awal tahun 1990 sudah jelas dominasi golongan wanita dalam pelbagai aspek.


"Wanita Kelantan dominasi dalam bermula khususnya di pasar-pasar hingga bekas Menteri Besar, Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menamakan sebuah pasar dengan nama Pasar Siti Khadijah.

"Pendekatan kita di Kelantan mengambil kira tempoh kesesuaian semasa dengan menunjukkan sikap toleransi tentang penglibatan wanita, tetapi ada limitnya agar ia tidak melebihi had," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup Hari Saidatina Khadijah 2016 dan pelancaran pusat sumber Saidatina Hafrah di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri, Mumtaz Md Nawi.

Mohd Amar ber-



Mohd Amar melakukan gimik perasmian penutupan Hari Saidatina Khadijah di sini semalam.

kata, usaha Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri menjayakan sambutan Hari Saidatina Khadijah 2016, yang bermula pada 14 sehingga 17 Ogos itu sangat bermanfaat.

"Ini adalah acara khusus bagi menghargai peranan golongan wanita," katanya.

Sementara itu, Mumtaz ketika mengulas mengenai Pusat Sumber Saidatina Hafrah berkata, ia akan bertindak sebagai rujukan semua maklumat pihak berkaitan wanita Kelantan yang terkenal dengan kegigihan dan semangat berdikari sejak dahulu hingga kini.

Dalam masa sama pro-

gram anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri Ekspo KALA 2016 (*Kelantan Authentic Lifestyle and Arts*) bermula 12 Ogos dan berakhir semalam turut memberi peluang kepada wanita Kelantan tampil berdaya saing dan dalam mempromosikan produk desa dan tradisi di pasaran terbuka luar dan dalam negara.

Selain itu, sambutan hari wanita itu juga dimeriahkan dengan *Muslimat International Summit Kelantan* (MISK 2016) membabitkan delegasi luar negara yang turut dijemput bagi berkongsi pengalaman untuk panduan wanita Kelantan.

*Keratan akhbar Sinar Harian, 17 Ogos 2016, berkaitan  
Sambutan Hari Sayidatina Khadijah 2016.*

## GALERI FOTO

### HSK 'Agar Dirimu Semulia Khadijah'

Oleh SALMAH MAT HUSAIN  
Foto RIZAL TAHIR

BAGI menghargai jasa dan pengorbanan wanita, kerajaan Kelantan melalui Unesco Pembangunan Wanita Kelantan (UPWK), mengantarkan program Hari Sayidatun Khadijah (HSK).

Program berkenaan menjadi acara tahunan kerajaan negeri ini yang diadakan setiap tahun Rasulullah s.a.w dengan temanya 'Agar Dirimu Semulia Khadijah'.

Khadijah lambang kepada wanita agung yang berkorban harta, jiwa raganya demi memperjuangkan agama Islam yang dibawa suaminya Muhammed s.a.w.

Jasanya semasa dan disanjung baginda hingga ke akhir hayat, lantaran cinta dia kasih Khadijah terhadap Islam dan Rasulullah sendiri yang tidak berteperi.

Kerajaan itu, Kelantan mengambil pelajaran dari hari-hari junjungan Besar itu sebagai ikon yang perlu diikuti oleh muslimat yang perlu dilakukannya dalam mengingati Tadabur Wahyu itu.

Sekjak tahun 2015 fida lagi program Hari Wanita, yang ada Hari Sayidatun Khadijah yang disentuh di peringkat negeri dan Dewan Undangan Negeri seluruh Kelantan.

Sampena program istimewa ini, sembilan wanita telah dianugerahkan dengan sembilan tokoh yang disediakan khusus untuk mereka yang hebat itu.

Antara mereka ialah Suri Kepimpinan, Tokoh Mualaf Kemyarakan, Tokoh Suri Eman, Tokoh Suri Hero Rakyat, Tokoh Suri Orang Kurang Upaya, Tokoh Suri Kerjaya, Tokoh Suri Lestari, Tokoh Suri Impresif dan Tokoh Buah Hati Suri.

Anggota Pahlawan Bantuan Panjang, Ustazah Siti Zaiyah Mohd Yusof dianugerahkan Tokoh Suri Misali (Suri Kepimpinan), kerana tokoh kepimpinan yang ada padanya.

Tokoh Suri Kemanusiaan akadem pula dianugerahkan kepada Nik Shamsiah Nik Ismail berkaitan pencapaianannya sebagai pimpinan



Datin Tuan Sabariah merasmikan Logo Majlis Perundungan Wanita.



Datin Nik Zulaili Nik Yakob, menerima anugerah Tokoh Suri Inspirasi kerana kejayaan dan suami mendidik anak-anak.



Tokoh Suri Kepimpinan dianugerahkan kepada Ustazah Siti Zahlah Mohd Yusof.

masyarakat.

Tokoh Suri Inspirasi, Datin Nik Zulaili Nik Yakob, iaitu isteri kepada pendakwah tersohor Dr Zakir Ali dan Dr Abdul Basit Abu Rahma.

Nik Zulaili dilanugeralahkan tokoh berkenaan memandangkan kejayaannya dan suaminya mendidik anak-anak hingga cemerlang dalam pendidikan khidmat dan pendidikan agama dan Quran.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kehajarnan negara, Mumtaz

Md Nawi, berkata program berkenaan diadakan untuk mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara.

Katanya, program ini turut menjadi medium untuk mempromosikan pencapaian wanita Kelantan melalui pelfbagad bidaang.

Selain itu, katanya ianya bertujuan untuk meletakkan wanita Kelantan sebagai Khadijah dari personalitiannya sehingga ia sentosa dalam aspek kehidupan peribadi.



Para penerima anugerah bergambar kerangka dengan pemimpin Wanita Kelantan.

Menteri Membina, Ustaz Idris Ismail khususnya laura ibu empat wujud mencontohi Saginda agar diri semulia Khadijah.

Sementara itu, isteri Menteri Besar Kelantan, Datuk Bentara Kasat, Datuk Sri Zabelah Abdul Hamid berkata, program ini merupakan tidak terikat cara Barat mencari hak mereka.

Katanya, ini kerana Islam telah meletakkan hak kaum itu di tempat yang paling tinggi.

Bagi yang menginginkan gelaran itu tidak mengikut wanita Barat tetapi mengikut wanita kebiasaan.

Katanya, kejayaan Siti Khadijah dalam perniagaan, bermasyarat

dan politik sejajarinya perlu dicontohi oleh semua kaum hawa di zaman mana sekarang.

Turut hadir pada majlis itu, isteri Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasnahani Hussin, isteri Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Datin Seri Roslina Ghazali dan lain-lain kepimpinan.

Sempena majlis itu juga, diadakan majlis perasmian senyoral Logo Majlis Perundungan Wanita dan buku yang bertajuk Suri Hat! Tok Guru! (Datin Tuan Sabariah) yang akan dijual.

Lebih 2,000 orang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Balai Islam Lundang, di sini baru baru ini.

**Berita Harakah, 3-5 Nov 2017.**

### HSK angkat martabat wanita

**SHAH ALAM** - Sambutan Hari Sayidatun Khadijah (HSK) yang diadakan pada 14 hingga 17 Ogos dapat baka mengangkat martabat wanita selari dengan usaha kerjaan Kelantan Membangun Bersama Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kelantan, Mumtaz Md Nawi berkata, HSK adalah acara tahunan kerajaan negeri bagi menghargai sumbangan dan peranan di mainkan wanita Kelantan khususnya sepanjang 25 tahun di bawah pentadbiran kerajaan Membangun bersama Islam.

"Tahun ini, kita kembangkan program tersebut ke peringkat antarabangsa sekilas sebagai salah satu tarikan lebih ramai pelancong ke Kelantan sempena Tahun Melawat Kelantan 2016," katanya.

Terdahulu, beliau hadir ke Kompleks Media Karangkraf, Shah Alam, semalam, bagi mempromosikan program berkenaan yang bakal berlangsung di Hotel Perdana dan Dewan Jubli Perak, Kota Bharu.

Menurutnya, antara pengisian menerikat HSK termasuklah persidangan muslimah antarabangsa Kelantan (MISK), buah bicara dan pelancaran buku, muslimah cultural night, ekspo Kala 2016 (*Kelantan Authentic Lifestyle and Arts*), pelancaran pusat sumber Sayidatuna Hafrah dan Kelantan Tour.

"Bagi ekspo Kala, ia merupakan pameran dan jualan dari agensi kerajaan, badan NGO dan perseorangan berorientasi produk Kelantan."

"Kita juga akan keluarkan 500 dinar khas sempena HSK untuk jualan," katanya yang juga Aduin Demit.



Mumtaz Md Nawi (kanan) bersama Koordinator, Senator Khairiah Mohamed (kiri) menunjukkan risalah program HSK dan ekspo Kala, di Shah Alam, semalam.

**Berita Sinar Harian, 26 Julai 2016**

## GALERI FOTO

04 Nov 2014- Sinar Harian

### Wanita digalak pelajari kemahiran, tingkat pendapatan

PASIR MAS: Golongan wanita di sini terutamanya suri rumah digalakkan untuk mempelajari kemahiran bagi membantu menambahkan pendapatan keluarga.

Adun Chetok, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, antara kemahiran yang boleh dipelajari ialah menjahit kerana ia lebih dekat dengan nafsu seorang wanita.

Dengan adanya kemahiran mereka boleh mendapat wang lebih hanya dengan melakukan pekerjaan tersebut di rumah tanpa perlu meninggalkan anak-anak dan tugas sebagai suri rumah.

Bagi membantu golongan wanita mendapatkan ilmu kemahiran, kerajaan negeri telah memperkenalkan kursus jahitan di bawah Pusat Pembangunan Wanita.

Kelantan (PPWK).

"Di mana sesiapa yang berminat boleh mendaftar dengan PPWK atau terus melalui pejabat Dun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Hari Terbuka PPWK Sempena 10 tahun Peringkat Dun Chetok.

Menurutnya, penyertaan kemahiran tersebut tidak terhad kepada belia sahaja tetapi terbuka kepada semua yang berminat.

Sementara itu mengulas mengenai program tersebut beliau berkata, dengan adanya pusat jahitan itu ia menjadi platform kepada muslimat untuk mengadakan pelabur untuk mendapatkan pelabur.

Katanya, ia sekaligus mendekati program yang dianjurkan oleh kerajaan negeri.



Abdul Halim bersama isterinya memotong kek sebagai simbolik perasmian Hari Terbuka PPWK Sempena 10 tahun Peringkat Dun Chetok.

Berita Sinar Harian, 4 Nov 2016

### PPWK bantu jana pendapatan keluaga miskin

Oleh SALMAH MAT HUSAIN  
Foto RIZAL TAHIR

TUMPAT: Usaha kerajaan Kelantan meningkatkan taraf penduduk miskin melalui bengkel kemahiran di Pusat Pengembangan Wanita Kelantan (PPWK) kini membawa hasilnya.


Sehingga sekarang terdapat PPWK di 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) dengan jumlah pelatih seramai 3,950 orang.

PPWK menyediakan kemahiran bidang jahitan, masakan, sulaman, jahitan manik dan jahitan pakaian.

Bengkel jahitan di PPWK turut dibuka kepada armalah terutamanya daripada keluarga miskin. Malah PPWK yang berdaya maju dipertingkatkan kepada Darul Niswah.

Dan baru-baru ini PPWK Dun Pasir Pekan dinaih taraf kepada Darul Niswah yang dirasmikan Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob.

Menteri Besar berkata pelatih di PPWK hendaklah mengambil peluang keemasan bagi mendiami ilmu kemahiran untuk men-



Menteri Besar merasmikan pelancaran Darul Niswah di PPWK Dun Pasir Pekan, Tumpat.

jana pendapatan keluarga.

Katanya, bidang jahitan mampu memberi pulangan ekonomi yang menarik sekiranya diperlakukan lagi skil kemahiran.

"Kerajaan negeri bersedia menyedia peruntukan untuk meningkatkan lagi kemahiran rakyat dalam bidang krafangan," ujarnya.

Pada program itu Ustaz Ahmad

mempamerkan bakat memasak udang masak lemak cili api pucuk paku dengan dibantu isterinya, Datin Bentara Kanan Siti Zabedah Abdul Hamid.

Hadir sama pada program terabit anggota-anggota Exco Dato' Che Abdullah Mat Nawi, Dato' Dr Ramli Mamat, ahli Parlimen Pengkalan Chepa, Dr Izani Hussin dan Adun Kijang, Wan Ubaidah Omar.

Berita Harakah, 20-22 Januari 2017.

## GALERI FOTO

46

MACHANG

SELASA 18 APRIL 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD MACHANG ZUMURNI HAMZAH • 019-9821362 / 019-9391077

### Darul Niswah bantu wanita tambah ilmu, tingkatkan taraf ekonomi

MACHANG - Mini Darul Niswah bukan sahaja membangunkan golongan wanita dalam bidang kemahiran dan perniagaan, tetapi turut menerapkan ilmu agama melalui usrah dan tazkirah.

Adun Tanjung Mas, Darul Niswah di Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) Dun Kemuning merupakan yang ke-12 dilancarkan di negeri ini.

Tambahan, pelbagai aktiviti ditawarkan di pusat ini bagi meningkatkan kemahiran diri dalam pelbagai bidang yang diminati sebelumnya meningkatkan pendapatan keluarga," katanya.

"Manfaatkan segala aktiviti ditawarkan di pusat ini bagi meningkatkan kemahiran diri dalam pelbagai bidang yang diminati sebelumnya meningkatkan pendapatan keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Pengurus Jawatankuasa PPWK Kelantan, Mumtaz Md Nawi



Rohani mencuba beg sulam yang dipamerkan di gerai PPWK sempena majlis pelancaran Mini Darul Niswah Kemuning, kelmarin.

melancarkan Mini Darul Niswah

produk dihasilkan PPWK dari Dun Kemuning, Pulai Chondong dan Temangan dipamerkan.

Hadir sama, Adun Kemuning, Mohd Roseli Ismail.

Majlis dimeriahkan dengan demonstrasi masakan oleh Mohd

Pada majlis sama, pelbagai



Mohd Roseli memerlakukan majlis dengan menjayakan demonstrasi masakan sambal dibantu isterinya.

Roseli bersama isteri yang mendapat perhatian ramai.

PPWK Dun Kemuning ditubuhkan pada 2006 dengan menyasarkan golongan wanita, beliawanis dan

armalah di kawasan tersebut.

Antara objektif pembumian pusat itu adalah memberi latihan jahitan bagi meringankan beban dan meningkatkan ekonomi peserta.

Berita Sinar Harian, 18 April 2017



# Lensa Harakah



**PENGITIRAFAN...** Kejayaan kerajaan Kelantan membangunkan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) kini turut dikongsi di peringkat antarabangsa. Sejak diwujudkan PPWK mengeluarkan ramai pelatih yang mahir dalam bidang jahitan dan sulaman. PPWK juga sekarang dipertingkatkan kepada Darul Niswah yang mampu menjana pendapatan kepada surirumah. Kejayaan itu turut dibentang anggota Exco kerajaan Kelantan, Mumtaz Md Nawi di Women Economy Conference New Delhi baru-baru ini.



## MINI DARUL NISWAH PUSAT AKTIVITI WANITA

PASIR PEKAN-YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, telah melancarkan Mini Darul Niswah di Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) DUN Pasir Pekan baru-baru ini.

Program di bawah anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWKK) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) dapat sambutan yang memuaskan.

Mini Darul Niswah adalah satu tempat di mana diadakan program bengkel jahitan dan lain-lain yang dibuka kepada orang ramai, termasuklah armalah yang mempunyai tahap kewangan yang minima. Di sini disediakan set mesin jahit yang lengkap serta seorang guru sebagai tenaga pengajar bagi memudahkan urusan bengkel tersebut.

Sehingga kini PPWK di 45



DUN telah mempunyai pelajar yang berdaftar seramai 3,950 orang.

Turut hadir, Datin Bentara Kanan isteri Menteri Besar Kelantan, Exco-Exco Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Parlimen, Adun, Penyelia-Penyelia

dan pimpinan setempat. Kemuncak kepada pelancaran tersebut, YAB Ustaz Dato'

Bentara Kanan turut membuat demo masakan gulai kuning udang pucuk paku bersama isteri sambil diperhatiakn pimpinan yang lain.

## GALERI FOTO



Design Banner Kempen Hari Ibu



Design Banner Kempen Meraikan Hari Jururawat Sedunia



Design Sticker Kempen Menjaga Aurat

## **PAUTAN BERKAITAN**

Pautan untuk maklumat lanjut berkaitan program-program UPWK:

1. FB Yang Berhormat Hajah Mumtaz Md Nawi;

<https://www.facebook.com/MumtazMdNawiOfficial/>

2. FB Urus Setia Pembangunan Wanita Keluarga dan Kebajikan (UPWK) <https://www.facebook.com/upwkk>

3. FB Pusat Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK)

<https://www.facebook.com/PusatKemahiranWanitaKelantan>

4. FB Pertubuhan MESRA <https://www.facebook.com/mesra/>

5. FB Taska Keluarga Mawaddah

<https://www.facebook.com/taskakeluargamawaddah/>

6. Web wanitakelantan.com <http://wanitakelantan.com>

7. Web Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN) <http://upknkelantan.com>

8. *Chanel Youtube* Program UPWK


<https://www.youtube.com/user/upwkknegerikelantan>

9. Web siaran Radio TV Kelantan (RTV) <http://rtv.kelantan.my>

10. FB Kelantan TV : <https://www.facebook.com/kelantantv/>

11. Web siaran Kelantan TV : <http://www.kelantantv.my/v1/>

**DOKUMEN  
DASAR WANITA  
NEGERI KELANTAN**



## **ISI KANDUNGAN**

### **“DASAR WANITA NEGERI KELANTAN”**

1. Pendahuluan	3
2. Dasar Utama	3
3. Matlamat	3
4. Pengiktirafan Islam untuk Wanita	3
5. Pernyataan Dasar	4
6. Objektif Strategik	5
7. Agenda Perubahan untuk Wanita	7
8. Peranan Wanita Kelantan	10
9. Strategi Pelaksanaan Dasar	13
10. Strategi Persediaan Lanjutan untuk Wanita	16
11. Penutup	19
Nota Kaki	20
Bibliografi	22
Lampiran 1: Garis Panduan Syara’ untuk Penglibatan Wanita Islam Dalam Masyarakat	23
Lampiran 2: Pengiktirafan Islam untuk Wanita (Dalil-dalil Nas)	28

# **Dasar Wanita Negeri Kelantan**

## **1.0 Pendahuluan**

Dasar wanita negeri Kelantan ini digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan neraca, nilai, halatuju dan objektif strategik yang dianjurkan oleh Kerajaan Kelantan dalam hal ehwal menjaga kepentingan dan pembangunan wanita selaras dengan wawasan kerajaan negeri iaitu “Membangun Bersama Islam”.

## **2.0 Dasar Utama**

Dasar utama bagi Dasar Wanita Kelantan adalah Islam.

## **3.0 Matlamat**

Membangun dan mengembangkan kemuliaan dan potensi wanita untuk kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Kelantan dan ummah seluruhnya berdasarkan penghayatan cara hidup Islam serta cara hidup yang berdasarkan ketuhanan , nilai dan kepercayaan kaum serta nilai moral sejagat.

## **4.0 Pengiktirafan Islam untuk Wanita**

Dasar ini merakamkan pengiktirafan Islam untuk wanita berasaskan nas-nas al-Quran dan as-Sunnah yang dirumuskan seperti berikut:

4.1 Wanita adalah manusia yang dilengkapi dengan kemuliaan dan kehormatan. (Al-Isra': 70)

4.2 Wanita adalah manusia yang boleh menerima tanggungjawab dan boleh dipertanggungjawab atas setiap tindakannya seperti juga kaum lelaki. (An-Nahl, 97; An-Nuur, 2; Al-Maidah, 38)

4.3 Wanita adalah manusia yang mempunyai keperibadian yang tersendiri dan boleh memiliki kemahuan sendiri. (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim: Seorang janda tidak boleh dinikahkan sebelum diminta pertimbangannya dan seorang gadis tidak boleh dinikahkan sebelum diminta persetujuannya).

4.4 Wanita adalah pendamping dan pembantu kaum lelaki dalam kehidupan rumah tangga dan masyarakat. (Al-Baqarah, 187; An-Nisa', 34)

4.5 Wanita adalah manusia yang memiliki potensi, cerdas dan mampu melibatkan diri dalam kegiatan politik dan sosial yang baik yang sesuai dengan fitrah wanita. (At-Taubah, 71)

Demikian betapa Islam mengiktiraf dan memuliakan wanita melalui dalil-dalil nas. Sila lihat Lampiran 2 bagi maksud dalil-dalil berkenaan.

## **5.0 Pernyataan Dasar**

Dengan berpegang pada dasar utama dan matlamat dasar wanita ini dan selaras dengan prinsip Perlembagaan

Persekutuan Malaysia , Dasar Wanita Kebangsaan serta meneliti Agenda Wanita untuk Perubahan 1999 yang telah diisyiharkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita nasional, berikut adalah pernyataan prinsip bagi Dasar Wanita Kelantan:

5.1 Berpegang kepada cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dalam hal pemuliaan, pembangunan dan pemerksaan wanita di negeri Kelantan.

5.2 Membela hak asasi wanita, jaminan perlindungan undang-undang dan kebebasan individu secara adil dan saksama.

5.3 Memberi komitmen untuk memenuhi keperluan wanita dengan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, isu dan keperluan wanita serta memastikan tidak ada diskriminasi gender terhadap wanita.

5.4 Mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga wanita secara adil dan bersesuaian dengan batas-batas syara' dan agama dalam sektor ekonomi, politik dan sosio-budaya.

5.5 Meningkatkan suara wanita dalam masyarakat bagi mencapai dan menggalakkan keadilan gender dan berusaha ke arah masyarakat yang adil dan demokratik.

## **6.0 Objektif Strategik**

Objektif dasar ini ialah:

6.1 Mempertahan dan membina kemuliaan dan kemaslahatan wanita melalui pengukuhan akhlak dan moral wanita yang terpuji.

6.2 Membangun wanita sebagai potensi sumber manusia terpenting untuk pembangunan masyarakat di negeri ini.

6.3 Menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan masyarakat dalam bidang yang bersesuaian dengan wanita dengan membekalkan ilmu dan kemahiran menurut keperluan semasa .

6.4 Mempastikan perkongsian yang adil terhadap peluang penyertaan dan manfaat pembangunan dan perkongsian terhadap sumber-sumber di antara wanita dan lelaki.

6.5 Mempastikan ruang dan peluang yang adil untuk wanita meningkatkan kemajuan kerjayanya dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta.

6.6 Mempertahankan dan meneguhkan sistem kekeluargaan supaya ia tetap dibina dan diurus berdasarkan cara hidup Islam atau cara hidup yang berdasarkan ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta nilai moral sejagat demi kesejahteraan masyarakat Kelantan.

## **7.0 Agenda Perubahan untuk Wanita**

Dengan berpegang kepada Dasar Utama, dasar ini mengakui bahawa masalah, isu dan keperluan wanita dalam pelbagai bidang perlu dikenalpasti secara teliti dan diselesaikan. Memenuhi maksud tersebut, dasar ini merumuskan agenda perubahan untuk wanita menurut sektor seperti berikut:

7.1 Wanita dan Agama. Menggalakkan perbincangan secara ilmiah dan objektif untuk membangkitkan kesedaran dan kefahaman yang sebenar dan seimbang tentang peranan wanita dalam pembangunan ummah dan masyarakat menurut tuntutan Islam dan ajaran ketuhanan.

7.2 Wanita dan Pendidikan. Meningkatkan taraf pendidikan dan latihan untuk wanita secara adil dan bersesuaian dengan peranan yang diberikan kepada wanita dalam keluarga dan masyarakat untuk membolehkan mereka menyumbang dengan cekap dan berkesan.

7.3 Wanita dan Undang-undang. Kerajaan serta jenteranya di sektor awam akan menyemak, membaiki, melaksana dan memantau undang-undang, polisi dan peraturan awam serta amalan yang mendiskriminasikan wanita termasuk yang berkaitan enakmen keluarga Islam.

7.4 Wanita dan Ekonomi. Memperkenalkan dan mempastikan dasar, strategi dan polisi pembangunan ekonomi, perniagaan, kewangan dan sosial yang adil dan bertanggungjawab dengan mengambil kira secara sedar kesannya terhadap lelaki dan wanita.

7.5 Wanita dan Pekerjaan. Mencipta suasana pekerjaan yang sesuai dengan memperkenalkan amalan-amalan yang baik dan selamat di tempat pekerjaan dengan merancang strategi dan peraturan awam yang mengutamakan keselamatan wanita dan memerangi gangguan seksual.

7.6 Wanita dan Politik. Melibatkan wanita dalam politik dengan memberikan ruang yang adil dan berkesan untuk wanita terlibat dalam pembuatan keputusan dan penggubalan dasar terutama yang mempunyai kesan terhadap wanita dan menangani ketidakadilan dan diskriminasi terhadap wanita.

7.7 Wanita dan Harta. Melindungi wanita dalam menjaga haknya terhadap pemilikan tanah dan harta benda serta harta sepencarian berdasarkan prinsip-prinsip agama dan batas-batas undang-undang yang adil.

7.8 Wanita dan Keluarga. Menghormati hak-hak wanita dalam membuat keputusan tentang isu reproduksi, kesihatan, seksual dan perlanjutan zuriat menurut batas-batas akhlak dan moral dalam konteks perhubungan wanita dengan suami mereka dan ibu bapa dengan semangat bermusyawarah.

7.9 Wanita dan Kesihatan. Menyediakan sistem khidmat sokongan bagi wanita yang dijangkiti HIV / AIDS serta menyediakan peluang untuk mendapat maklumat dan pendidikan bagi membolehkan wanita membuat keputusan untuk kepentingan kesihatan mereka.

7.10 Wanita dan Rekreasi. Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan tempat-tempat rekreasi yang khas dan sesuai untuk wanita menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi, sukan, seni dan kebudayaan.

7. 11 Wanita dan Media. Meningkatkan usaha untuk memulihkan imej mulia wanita dengan menyekat pengeksplorasiwanita dalam media cetak dan elektronik. Media hari ini terlalu banyak mengeksplorasi wanita dengan imej pelaris jualan, peraga tubuh badan dan penghibur yang merosakkan kemuliaan wanita.

7.12 Wanita dan Sistem Sokongan. Meningkatkan khidmat sokongan kepada golongan wanita yang perlu dibela seperti khidmat sokongan sosial kepada ibu tunggal dan khidmat penjagaan anak dan tempat penyusuan bagi wanita bekerja.

7.13 Wanita dan Jaringan. Menggalakkan jaringan organisasi-organisasi wanita dan Badan-badan Bukan Kerajaan yang berusaha untuk memperkuatkan kedudukan dan peranan wanita demi menyumbang kepada pembentukan masyarakat Kelantan yang sejahtera.

7.14 Wanita dan Keperluan Asasi. Memastikan setiap wanita sebagai golongan yang perlu dilindungi, memiliki keperluan asasi kehidupan seperti makan-minum, tempat tinggal yang selamat, perlindungan daripada ancaman dan bahaya dan perlindungan kerhormatan dan harga diri.

7.15 Wanita dan Masyarakat. Meningkatkan kesedaran umum sama ada di kalangan lelaki atau wanita terhadap kedudukan wanita untuk mengiktiraf, membina dan memberikan peranan kepada wanita dengan lebih berkesan demi mencapai wawasan negeri.

## **8.0 Peranan Wanita Kelantan**

Mengambil kira objektif dasar ini dan agenda perubahan untuk wanita, wanita Kelantan harus memainkan peranan-peranan berikut:

## 8.1 Pengukuh Kesejahteraan Keluarga

Menjadi pengukuh kesejahteraan keluarga yang dipimpin oleh lelaki dengan memberi perhatian yang tinggi untuk mewujudkan suasana rumah tangga yang bahagia dan harmonis dan memastikan pengurusan rumah tangga yang baik. Ini adalah peranan terpenting wanita sesuai dengan fitrah kejadian wanita. Peranan ini tidak boleh diabaikan sama ada wanita bekerja atau tidak di luar rumah.

Rasional: Sesuai dengan fitrah kelembutan dan kasih sayang yang ada pada wanita, wanita diharapkan dapat mempertahankan dan mengembangkan nilai cinta dan kasih sayang yang dimilikinya kepada keluarga dan masyarakat. Dengan ini, wanita yang berjaya sebagai anak, isteri dan ibu adalah pembawa kerukunan dan kesejahteraan rumah tangga; yang kesejahteraan ini pula akan melimpah luah ke dalam kejiranan dan kemasyarakatan.

## 8.2 Pendidik Generasi Akan Datang

Wanita adalah pendidik generasi akan datang. Wanita yang ditanamkan rasa kasih sayang dan kesabaran menghadapi anak-anak diharapkan untuk mendidik generasi anak-anak supaya menghayati tuntutan Islam sejak kecil lagi, menjadi manusia bermanfaat dan memiliki pandangan dan amalan hidup yang berasaskan ajaran agama dan ketuhanan. Ini adalah asas kekuatan yang diperlukan oleh generasi.

Rasional: Nilai-nilai kasih-sayang, ikhlas, jujur, hormat-menghormati, menjaga kebaikan, menghindari kemudaratan dan berpegang pada ciri-ciri murni sejagat yang mendasari perjalanan sistem masyarakat, negara dan ummah pada hakikatnya adalah penzahiran sifat dan identiti unit-unit keluarga dan individu-individu yang membentuk sistem ummah. Inilah manhaj Islam, pada permulaan dan kemuncak, memberi perhatian yang amat serius kepada unit asas masyarakat dan negara iaitu institusi keluarga.

8.3 Pemangkin Produktiviti Masyarakat Wanita sebagai sumber manusia yang mempunyai banyak potensi seharusnya turut terlibat dalam usaha membangun dan meningkatkan produktiviti masyarakat dalam berbagai-bagai bidang daripada kebijakan dan perkhidmatan awam hingga pembuatan dan perniagaan yang bersesuaian dengan kemampuan dan fitrah semula jadi wanita serta mematuhi syarat-syarat penglibatan wanita di luar rumah.

Rasional Wanita Kelantan terkenal dengan sifat keusahawanannya. Oleh itu, potensi mereka perlu digunakan secara optimum melalui pendekatan yang menekankan pengkhususan hingga keupayaan-keupayaan yang halus dan terpendam pada seseorang wanita dapat dicungkil, digilap dan dipupuk dengan sebaik-baiknya untuk menghasilkan sesuatu produk dan objektif yang berkesan untuk kemajuan masyarakat. Peranan ini dapat dicapai melalui penumpuan

latihan yang dapat membangunkan sesuatu keupayaan ke tahap yang optimum.

#### 8.4 Penyumbang kepada Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknologi

Wanita sebagai manusia yang memiliki kecerdasan berfikir diberikan peranan dan tanggungjawab menyumbang kepada pengembangan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang diperlukan oleh masyarakat sesuai dengan tuntutan abad 21.

Rasional: Wanita turut perlu menguasai ilmu ini supaya fungsi dan peranan yang dimainkan oleh wanita menjadi lebih efisien dan berkesan. Perubahan teknologi komunikasi dan maklumat adalah perkembangan terbaru yang banyak menolong manusia menjayakan tugas dan peranannya.

#### 8.5 Pencetus Kecaknaan Aktivisme Sosial

Al-Qur`an dan as-sunnah mengiktiraf wanita sebagai golongan yang mempunyai tahap kecaknaan - keprihatinan dan kedulian yang amat tinggi tentang aktivisme sosial. Misalnya, al-Quran merakamkan keunggulan sifat cakna ini dengan kisah doa dan nazar isteri `Imran supaya anak yang dalam kandungannya menjadi hamba yang soleh dan berkhidmat (di Baitul Maqdis) seperti yang dirakamkan pada ayat 35 surah Ali-`Imran.

Rasional: Dalam perspektif Islam, wanita Islam menjadi cakna terhadap perjalanan, gejala dan aktivisme sosial adalah berkaitan dengan risalah Islam sendiri iaitu untuk membangun ummah yang berwawasan yang sentiasa mendekatkan seluruh kehidupan sosialnya dengan keampunan dan keredaan Allah.

## **9.0 Strategi Pelaksanaan Dasar**

Dasar ini dilaksanakan berdasarkan strategi utama berikut:

### **9.1 Pembentukan Unit Pembangunan Wanita Kelantan**

Unit Pembangunan Wanita (UPW) Kelantan ditubuhkan untuk merancang, menyusun dan mengawal program pembangunan wanita di Kelantan melalui usaha yang distrukturkan di bawah kerajaan negeri. UPW adalah satu portfolio lanjutan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan dengan ditentukan bidang kuasa yang mencukupi untuk menjadi jentera yang berkesan memantau perlaksanakan dasar wanita kerajaan Kelantan.

Sebagai jentera rasmi kerajaan, fungsi-fungsi UPW ialah:

- ~ menyelaras fungsi jabatan, unit dan agensi di bawah kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam konteks menjayakan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

- menyelaraskan fungsi jabatan, unit dan agensi di bawah jadual bersama Persekutuan-Negeri atau Kerajaan Pusat; Badan-badan Berkanun dan Bukan Kerajaan untuk menjayakan Dasar Wanita Negeri Kelantan.
- menyelaras, menyalur dan menggerakkan apa-apa agenda perubahan seperti blue print pelan tindakan untuk pembangunan wanita yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri kepada jabatan kerajaan, organisasi swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk dilakanakan.
- merancang pengagihan sumber-sumber kepada pelbagai sektor yang mengendalikan program yang berkaitan dengan wanita.
- menguatkuasakan peraturan dan tindakan yang tegas terhadap kes-kes penderaan dan diskriminasi terhadap wanita.

## 9.2 Pembentukan Majlis Perundingan Wanita (MPW) Kelantan

Bagi tujuan mewujudkan forum untuk menyuarakan dan mengenalpasti masalah, isu dan keperluan wanita, Majlis Perundingan Wanita (MPW) Kelantan ditubuhkan dan digerakkan. MPW dipengerusikan oleh Pengerusi Penerangan Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan dan dianggotai oleh wakil-wakil organisasi-organisasi wanita dan Badan-badan Bukan Kerajaan di samping wakil-wakil agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam

menjaga kepentingan dan kemaslahatan wanita. MPW mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- pusat pengumpulan maklumat dan maklumbalas daripada khalayak untuk membantu kerajaan dan pentadbir awam menyelesaikan masalah dan keperluan wanita.
- medan untuk memobilisasi penglibatan wanita dan aktivis-aktivis wanita serta pentadbir awam yang mengendalikan hal ehwal yang melibatkan kepentingan wanita secara langsung.
- saluran maklumat, bantuan kewangan, teknikal dan khidmat nasihat daripada kerajaan kepada organisasi-organisasi wanita.

### 9.3 Program Induksi Dasar Wanita Kelantan

Melalui UPW, kerajaan negeri melaksanakan program induksi bagi memperkenalkan Dasar Wanita Negeri Kelantan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan supaya setiap jabatan dapat memahami dan seterusnya menjadikan dasar ini sebagai rujukan dan panduan dalam penggubalan polisi, peraturan dan program awam yang menyentuh secara langsung dengan kepentingan dan keperluan wanita.

### 9.4 Kempen Kepekaan Gender

Bagi membangkitkan kesedaran dan komitmen terhadap hak-hak wanita di kalangan pemimpin jabatan dan agensi awam, sektor swasta dan masyarakat am, kempen kepekaan gender diatur di pelbagai peringkat secara berterusan. Program ini

perlu dilaksanakan secara bersama pada peringkat negeri yang melibatkan portfolio pendidikan, pembangunan sumber manusia dan dakwah. Program lanjutan secara yang berterusan ini merangkumi bidang-bidang persediaan yang berikut:

#### 10.1 Persediaan Asas - Iman, Ilmu, Akhlak dan Jiwa

Program pembangunan peribadi wanita yang seimbang yang mencakupi aspek iman, ilmu, akhlak dan jiwa (fikiran dan perasaan) perlu diinstitusikan ke dalam sistem kerajaan negeri dan dilaksanakan menurut fasa-fasanya kepada setiap pekerja wanita dalam sektor awam. Sektor swasta dan persendirian juga perlu melaksanakan tanggungjawab ini kepada para pekerjanya di samping institusi-institusi pendidikan, dakwah, masjid dan badan-badan sukarela pula menggerakkan agenda ini untuk khalayak umum.

#### 10.2 Persediaan Keluarga dan Masyarakat

Program kesedaran terhadap tanggungjawab keluarga disusun dan dilaksanakan untuk suami dan isteri dengan fokus untuk membina skil-skil kekeluargaan dan sosial yang diperlukan seperti skil caragaya keibubapaan, kemahiran menangani masalah anak-anak dan kemahiran berpersatuhan untuk ibu dan bapa. Kemahiran ini diperlukan supaya keluarga mampu menjadi pengimbang dalam keadaan gejala sosial yang semakin serius. Pada masa yang sama, dorongan dan teladan

yang kuat daripada suami adalah syarat terpenting kejayaan persediaan

keluarga ini.

### 10.3 Persediaan Ilmu Sains, Teknologi dan Kemahiran

Wanita harus diprogramkan untuk menghadapi era perkembangan teknologi komunikasi maklumat abad 21 dengan menguasai ilmu sains dan teknologi serta ilmu-ilmu pengetahuan terkini dan kemahiran kompetitif. Persediaan ini adalah melalui perancangan dan latihan sumber manusia untuk melengkapkan wanita bagi membolehkan mereka menjayakan setiap peranan yang diberikan dengan berkesan.

### 10.4 Persediaan Kepemimpinan Wanita Mithali

Program persediaan kepemimpinan dirancang untuk mewujudkan takungan wanita yang bersifat salihah wa muslihah (wanita yang baik dan membaikkan) yang mampu memimpin dan memberi arah kepada wanita lain. Kerajaan perlu merancang dan menyiapkan pemimpin wanita mithali yang akan memipin dengan memiliki ciri-ciri pemimpin yang mencapai perseimbangan antara kepentingan individu dan ummah; antara keluarga dan masyarakat dan antara kebendaan dan kerohanian - pemimpin wanita yang memimpin kaum hawa dalam konteks masyarakat untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

## **11.0 Penutup**

Islam menaikkan taraf dan darjat wanita ke tahap yang tinggi. Penghormatan tersebut akan dicapai jika kemuliaan yang dijamin untuk wanita diperlihara dan dikembangkan menurut nilai-nilai dan neraca yang telah ditetapkan oleh Islam. Memajukan sumber wanita dan potensi mereka dalam berbagai-bagai bidang kehidupan menurut keperluan ummah merupakan sebahagian daripada matlamat Islam.

Pada masa yang sama, Islam menggalakkan wanita-wanita bukan Islam mengembangkan kemuliaan dan potensi mereka demi kesejahteraan diri mereka dan masyarakat dengan penghayatan cara hidup yang berdasarkan ketuhanan dan nilai-nilai yang sejagat yang baik.

Oleh itu, kefahaman, sokongan dan dokongan oleh semua rakyat tanpa mengira agama dan keturunan terhadap falsafah dan prinsip utama dasar ini adalah penting demi kesejahteraan seluruh anggota masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan.

## **Nota Kaki**

1. Islam yang dimaksudkan di sini adalah Islam dengan segala cirinya yang sempurna. Profesor Dr Yusuf al-Qardhawi (1992) dalam bukunya, “Wawasan Islam: Antara Keaslian dan Kemodenan” menerangkan lapan ciri peradaban Islam yang membuktikan Islam adalah rahmah kepada seluruh alam, iaitu: 1. *Rabbaniyyah* (bersumberkan ajaran ilahi) 2. *Akhlaqiyah* (bercirikan nilai akhlak yang mulia) 3. *Insaniyyah* (bercirikan nilai murni kemanusian) 4. *Alamiyyah* (bersifat antarabangsa dan sejagat) 5. *Tasamuh* (saling mengerti dan memahami) 6. *Tanawwu'* (beraneka ragam) 7. *Wasathiyyah* (pertengahan dan sederhana) 8. *Takamul* (saling melengkapi).
2. Cara hidup Islam bermaksud amalan kehidupan yang dilandaskan kepada ajaran al-Quran, as-Sunnah Rasulullah, qias dan ijmak ulama.
3. Cara hidup yang berdasarkan ketuhanan merujuk kehidupan yang dilandaskan kepada nilai-nilai yang baik yang dianjurkan oleh agama yang percaya kepada kewujudan Tuhan.
4. Abdul Halim Abu Syuqqah menegaskan enam pengiktirafan ini yang menjadi faktor penunjang pengembangan keperibadian wanita Islam yang dipelopori oleh Rasulullah s.a.w.
5. Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengiktiraf dan merakamkan hak-hak asasi manusia yang merangkumi semua golongan termasuk rakyat wanita.

6. Dasar Wanita Kebangsaan telah digubal untuk menjadi panduan danrujukan dalam hal ehwal yang mencukup kepentingan wanita serta program pembangunan wanita.
7. Bengkel Kebangsaan Mengenai Agenda Wanita untuk Perubahan 1999 telah dianjurkan oleh Women's Development Collective (WDC), Sisters in Islam, Persatuan Sahabat Wanita Selangor dan Persatuan Pergerakan Wanita (Awam). Bengkel ini dihadiri oleh perwakilan-perwakilan daripada 34 organisasi wanita dan Badan Bukan Kerajaan. Bengkel ini telah mengenalpasti 10 isu utama berdasarkan pengalaman dan kedudukan wanita dalam masyarakat; dan kemudian menerbitakan 11 agenda utama yang perlu ditangani oleh pemerintah, ahli politik, pembuat polisi awam dan masyarakat agar masalah, isu dan keperluan wanita dikenalpasti dan diselesaikan.
8. Berdasarkan prinsip Islam, syara' telah menetapkan garis panduan umum untuk penglibatan wanita Islam dalam masyarakat. Sila lihat lampiran "Garis Panduan Syara' untuk Penglibatan Wanita Islam Dalam Masyarakat" yang ditulis oleh YB Ustaz Ismail Noh, Dr Najib bin Abdullah al-Qari dan lain-lain yang dipetik daripada Deraf Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan,. 2001".
9. Dr Harlina Halizah Siraj (2000) dalam artikelnya, "*Pemerkasaan Wanita dari Perspektif Islam*" menganggap peranan ini sebagai peranan pengimbang wanita dalam konteks kekalutan sosial hari ini. Selain itu, menurut penulis, peranan wanita ialah pengembang nilai kasih-sayang, pembina masa depan remaja dan pengukuh pendidikan agama remaja.

## **Bibliografi**

1. Al-Quranul Karim.
2. Al-Qardhawi, Yusuf, 1992. "Wawasan Islam: Antara Keaslian dan Kemodenan", Thinkers Library (terjemahan).
3. Abdul Halim Abu Syuqqah, 1998. "Kebebasan Wanita Jilid 1", Gema Insani Press, Kuala Lumpur.
4. Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
5. Dasar Wanita Kebangsaan.
6. ...., 1999. "Agenda Wanita untuk Perubahan", Agenda Wanita untuk Perubahan, Kajang.
7. Ismail Noh, 2001. "Deraf Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan,. 2001"; Kolokium Dasar Wanita Kelantan 2001, tidak diterbitkan.
8. Dr Harlina Halizah Siraj, 2000. "Pemerkasaan Wanita dari Perspektif Islam"; dalam "Risalah Pemimpin", Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
9. Wan Nik Wan Yussof, 2000. Deraf Dasar Wanita Negeri Kelantan, tidak diterbitkan.
10. Saari Sungib, 1995. Bersama Menggaris Agenda Ummah, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kuala Lumpur.

## **Lampiran 1**

### **Garis Panduan Syara' untuk Penglibatan Wanita Islam Dalam Masyarakat**

Islam tidak membezakan lelaki daripada wanita, malahan kedua-duanya adalah sama di sisi Allah kerana mereka dikenakan taklif syari'e yang sama dengan maksud kedua-dua-nya mempunyai tanggungjawab dan kewajipan syara' yang mesti disempurnakan sebagai perintah daripada Allah. Kedua-dua boleh dihisab di dunia dan di akhirah (sudah pastinya) atas tanggungjawab masing-masing.

#### **Wanita dan Haknya**

Berdasarkan hakikat ini, wanita Islam boleh mencapai darjah sebaik-baik manusia melalui amal dan ketaqwaannya kepada Allah. Malahan, wanita boleh mengatasi kaum lelaki dalam darjatnya di sisi Allah.

Sebagai seorang manusia, Islam memberi hak kebebasan kepada wanita untuk memiliki dan mengurus hartanya sendiri, menuntut ilmu, melakukan pekerjaan yang diharuskan dan berhak untuk memilih pasangan hidupnya melalui perkahwinan. Bahkan, wanita tidak boleh dikahwinkan tanpa izinya yang sah.

#### **Lelaki dan Haknya**

Walau bagaimanapun, lelaki telah diberikan tanggungjawab

yang lebih di sisi syara' daripada wanita, misalnya pelantikan pemimpin dan ketua negara diharuskan kepada lelaki sahaja. Kedudukan lelaki yang lebih daripada wanita ini tidak boleh diterjemahkan sebagai keistimewaan tetapi tanggungjawab yang mesti dipikul oleh lelaki.

Dari sudut fisiologi dan fitrah semula jadi pula, secara umum, wanita mempunyai proses pertumbuhan dan keperluan kesihatan yang berbeza daripada lelaki. Misalnya, wanita mengalami proses haid, mengandung dan melahirkan anak. Wanita memerlukan masa untuk pulih selepas bersalin sedang pada masa yang sama wanita amat diperlukan untuk penjagaan rapi anak-anak terutama pada peringkat awal usia kanak-kanak.

Dalam keadaan seperti inilah syara' mewajibkan suami untuk menanggung nafkah isteri dan anak-anaknya. Bahkan, ketika ketiadaan suami, bapa atau saudara lelaki atau mana-mana lelaki yang berhak menjadi walinya diwajibkan menanggung nafkah tersebut.

### **Penglibatan Wanita Islam dalam Masyarakat**

Berasaskan perbezaan fitrah dan sifat semula jadi ini, lelaki dan wanita mempunyai perbezaan dalam beberapa aspek tugas dan tanggungjawab dalam masyarakat. Demi memenuhi tuntutan syara', meraikan perbezaan yang semula jadi dan memelihara kehormatan wanita Islam, penglibatan wanita

Islam dalam masyarakat mestilah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

### 1. Pekerjaan yang diharuskan oleh syara'.

Tuntutan bekerja mestilah untuk mendapatkan rezki yang halal dan diredhai Allah serta melakukan pekerjaan yang diharuskan oleh syara'. Jika terdapat penglibatan wanita dalam kerjaya yang menimbulkan keraguan atau perselisihan, maka kedudukan tersebut akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Penglibatan Wanita Dalam Masyarakat di bawah Unit Pembangunan Wanita Negeri.

### 2. Tidak Mengabaikan Kewajiban Wanita di Rumah

Penglibatan wanita Islam dalam masyarakat tidak seharusnya mengabaikan kewajipan dan tanggungjawab wanita terhadap suami dan anak-anaknya di rumah seperti mana anjuran Rasulullah s.a.w. melalui hadith yang bermaksud: "Wanita itu menjadi penjaga kepada ahli rumah suaminya dan anak-anak suaminya, (Riwayat al-Bukhari).

### 3. Menutup Aurat dan Memelihara Kehormatan

Wanita Islam yang keluar bekerja atau terlibat dalam urusan kemasyarakatan wajib menutup aurat dengan menutupi seluruh tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan. Malahan ciri-cira pakaian wanita Islam mestilah longgar supaya bentuk tubuh wanita dapat dilindungi; tidak nipis; tidak menyerupai pakaian lelaki; tidak menyerupai pakaian orang-orang bukan Islam dan bukan pakaian kemegahan yang boleh menarik

ramai. (Al-Usarahtul Muslimah, Az Zahili)

#### 4. Mendapat Keizinan Suami atau Wali

Seorang wanita Islam yang telah berkahwin, mesti mendapat izin terlebih dahulu daripada suami untuk keluar bekerja sementara wanita Islam yang berada di bawah pengawasan wali perlu mendapat izin walinya.

#### 5. Pekerjaan yang Sesuai dengan Sifat Kewanitaan

Wanita Islam diharuskan bekerja dalam berbagai bidang yang sesuai dengan sifat dan ciri-ciri kewanitaan seperti pendidikan, kesihatan, perniagaan, keusahawanan, teknologi komunikasi maklumat dan seumpamannya. Sebaliknya, pekerjaan yang tidak selaras dengan sifat kewanitaan adalah tidak diharuskan.

#### 6. Pekerjaan yang Tidak Menimbulkan Fitnah

Wanita Islam tidak diharuskan terlibat dalam pergaulan bebas antara lelaki dan wanita sehingga boleh menimbulkan fitnah atau membawa gangguan seksual sama ada kepada wanita mahupun wanita.

#### 7. Menjaga Batas Akhlak di Tempat Kerja

Wanita Islam yang keluar bekerja dikehendaki menjaga batas-batas akhlak Islam dalam hal rupa diri, perhiasan, suara dan pergaulan demi memenuhi kewajipan syara' dan menjaga

kedudukan wanita yang dimulikan oleh ad-diin. Jika syarat-syarat di atas secara jelas menuntut wanita yang bekerja mempatikan kerjanya diharuskan syara', tidak mengabaikan tanggungjawab keluarga, menutup aurat dan menjaga akhlak dalam masyarakat, maka kaum lelaki juga mestilah menjadi contoh dalam mematuhi seluruh tuntutan syara' tersebut. Ini kerana kaum lelaki adalah pemimpin dan orang yang dipertanggungjawabkan terhadap isteri dan keluarga.

(\*Nota: Adaptasi daripada kertas *Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan* yang disediakan oleh Jawatankuasa Induk Kertas Kerja Dasar Wanita Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh YB Hj Ismail Noh untuk Kolokium Dasar Wanita Kelantan; 4 November 2001)

## **PENGIKTIRAFAN ISLAM UNTUK WANITA**

### **(DALIL-DALIL NAS)**

Berikut adalah maksud dalil-dalil yang digunakan dalam Perkara 4.0 Pengiktirafan Islam untuk Wanita, kertas Dasar Wanita Kelantan ini:

#### **1. Al Isra': 70**

“Dan, sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezqi dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan”.

#### **2. An-Nahl, 97**

“Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang bai dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.”

#### **3. An-Nuur, 2**

“Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan

janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu

untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan

hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman”.

#### **4. Al-Maidah, 38**

“Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.

#### **5. Al-Baqarah, 187**

“Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan Puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu; mereka itu adalah pakaian bagimu dan kamupun adalah pakaian bagi mereka....

#### **6. An-Nisa’, 34**

“Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka. Sebab itu, maka wanita yang soleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada kerana Allah telah memelihara mereka...

## **7. At-Taubah, 71**

“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain...”

## **CATATAN**



Diterbitkan oleh

**Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan  
Kerajaan Negeri Kelantan**